

BAB 2

TINJAUAN KAJIAN YANG BERKAITAN

2.0 Pendahuluan

Sikap dan penggunaan bahasa merupakan bidang kajian yang berkaitan dengan bahasa dan masyarakat. Sikap bahasa merupakan satu kajian yang menyelidik perkaitan faktor sosial dan psikologi dengan bahasa. Menurut Cargile *et al.* (1994), kajian tentang sikap bahasa ini melibatkan banyak disiplin ilmu, iaitu psikologi sosial bahasa, sosiologi bahasa, sosiolinguistik, linguistik antropologi, komunikasi dan analisis wacana.

Kajian tentang penggunaan bahasa dijalankan dengan melihat pemilihan bahasa yang dilakukan oleh sesebuah komuniti mengikut konteks dan situasi. Justeru itu, penggunaan bahasa mempunyai hubungan yang rapat dengan pemilihan bahasa. Pemilihan bahasa terjadi apabila seseorang individu atau kelompok individu tersebut menguasai lebih daripada satu bahasa.

Perbincangan dalam bab ini adalah berdasarkan pandangan dan dapatan daripada sejumlah pengkaji yang telah membuat kajian yang relevan dengan kajian sikap dan penggunaan bahasa. Di samping itu, akan dibincangkan beberapa teori yang relevan dengan sikap dan penggunaan bahasa.

2.1 Sikap Bahasa

Sikap bahasa bermaksud pandangan atau pegangan terhadap bahasa (Nik Safiah Karim, 1988). Dari aspek sosiolinguistik, didapati sikap bahasa lahir kesan daripada pertembungan bahasa. Misalnya, akibat pertembungan bahasa dalam komuniti pelbagai bahasa, maka individu membentuk sikap terhadap bahasa (Noriah Mohamed, 1998).

Richards, Platt dan Webber telah memberi pengertian sikap bahasa, dengan mengatakan:

The attitude which speakers of different languages or language varieties have towards each other's language or to their own language. Expressions of positive and negative feelings towards a language may reflect impressions of linguistics difficulty or simplicity, ease or difficulty of learning, degree of importance, elegance, social status, etc.

(Richards J., Platt J. dan Webber H. : 1985:155)

Pengertian di atas, menunjukkan sikap bahasa memberatkan aspek-aspek linguistik dengan anggapan bahawa sesuatu bahasa itu susah, senang, canggih, penting, mempunyai nilai status dan sebagainya. Kesemua penilaian itu dilakukan mengikut penilaian perasaan, sama ada positif atau negatif. Ini selaras dengan takrifan Teo Kok Seong (1998), yang mengatakan sikap bahasa sebagai, perasaan

serta penilaian terhadap bahasa dan isu tentang bahasa sendiri, atau bahasa dan isu kebahasaan bahasa orang lain.

Menurut Noriah Mohamed (1998), kajian terhadap sikap bahasa memaparkan tindak balas penutur terhadap bahasa mereka sendiri dan terhadap bahasa orang lain. Sikap bahasa ini direalisasikan menerusi perasaan cinta akan bahasa, khususnya bahasa ibunda, kerana dikatakan individu telah mewujudkan hubungan emosi dengan bahasa berkenaan. Bertitik tolak daripada perasaan ini, maka wujudlah istilah seperti “setia terhadap bahasa”, pengekalan bahasa, perubahan bahasa dan sebagainya.

Menurut Noriah Mohamed (1998) lagi, kajian sikap terhadap bahasa juga dikaitkan dengan motivasi belajar bahasa, khususnya dalam pembelajaran bahasa sebagai bahasa kedua. Misalnya, seseorang pelajar akan memaparkan sikap tidak bersungguh-sungguh mempelajari kedua itu jika murid tersebut beranggapan tidak ada faedahnya mempelajari bahasa tersebut. Sebaliknya, jika pembelajaran bahasa itu membawa nilai tertentu maka sikap pelajar tersebut mungkin berubah.

Melalui tinjauan dan penelitian terhadap kajian-kajian yang telah dijalankan tentang sikap terhadap mempelajari bahasa di kalangan pelajar, sama ada di dalam negara atau di luar negara, didapati kebanyakan kajian lebih menumpukan terhadap sikap dalam mempelajari bahasa kedua atau bahasa asing. Ini bermakna pelajar yang dikaji menguasai satu bahasa ibunda dan mempelajari satu bahasa

lain sebagai bahasa kedua atau bahasa asing. Terlalu sedikit kajian yang menyelidiki sikap dalam mempelajari bahasa ibunda dan sikap dalam mempelajari bahasa ibunda sebagai kedua /bahasa asing.

Kebanyakan pengkaji telah menjalankan kajian tentang sikap pelajar terhadap bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua atau bahasa asing. Di luar negara kajian tentang sikap terhadap bahasa Inggeris telah dijalankan antaranya oleh Spolsky (1969), Lukmani (1972), Oller, Hudson dan Liu (1977), Chihara dan Oller (1977), Pierson, Fu dan Lee (1980), Sally (1981), Fahmy dan Bilton (1992), Pennington dan Yue (1994), Salim dan Feurverger (1996) dan sebagainya lagi. Di Malaysia pula lebih daripada 90 peratus kajian tentang sikap terhadap mempelajari bahasa telah dilakukan terhadap bahasa Inggeris, seperti kajian yang telah dibuat oleh Rajagopal (1976), Chandrasegaran (1981), Anie Atan (1982), Jayatilaka (1982), Mariam Zamani (1983), Asmah Hj. Omar (1992), Nurhizan Abdul Manab (1996), Hamida (1996), Ahmad Masduki (1998), Charanjit Singh (1998), Chow (2001) dan sebagainya lagi.

Sebahagian kecil telah menjalankan kajian sikap bahasa terhadap bahasa Perancis, bahasa Arab dan bahasa Melayu. Kajian sikap terhadap bahasa Perancis hanya dijalankan oleh pengkaji di luar negara, seperti yang telah dijalankan oleh Gardner & Lambert (1972); sikap terhadap bahasa Perancis dan bahasa Inggeris oleh Lambert, Hodgson, Gardner dan Fillenbaum (1960). Di Malaysia, kajian sikap terhadap bahasa Arab telah diusahakan oleh Ibtisam Naji (1999) dan

Hassan Mohamad Doka (2000). Sikap terhadap bahasa Melayu dan bahasa Inggeris pula telah dijalankan oleh Kamsiah Abdullah (1984) di Singapura. Mohd. Samsuddin Mahmod (1992) pula mengkaji sikap terhadap bahasa Melayu di Malaysia.

Setakat ini tidak banyak kajian tentang sikap pelajar terhadap bahasa Melayu, selain daripada kajian Mohd Samsuddin Mahmod (1992) di Malaysia dan Kamsiah Abdullah (1984) di Singapura. Masih belum ada kajian yang dibuat tentang sikap terhadap bahasa Melayu di kalangan pelajar di Thailand. Ini kerana kajian Mohd. Samsudin Mahmod dibuat terhadap pelajar Melayu yang tinggal di Malaysia khususnya Pasir Mas, Kelantan, manakala kajian yang dibuat oleh Kamsiah Abdulah (1984) dilakukan terhadap penuntut Melayu di Singapura. Dari segi status bahasa Melayu yang dikaji, dalam kajian Mohd Samsuddin Mahmod (1992) bahasa Melayu berfungsi sebagai ibunda pelajar dan berstatus sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Dalam kajian Kamsiah (1984) bahasa Melayu berfungsi sebagai bahasa ibunda pelajar dan berstatus sebagai salah satu bahasa rasmi negara. Dalam kajian ini pula, bahasa Melayu berfungsi sebagai bahasa ibunda oleh 66.7 peratus responden dan berstatus sebagai bahasa kumpulan minoriti serta ditawarkan sebagai satu mata pelajaran bahasa asing di universiti.

2.1.1 Sikap Terhadap Sesuatu Bahasa

Sikap terhadap sesuatu bahasa merujuk kepada sikap satu kelompok masyarakat atau sesuatu komuniti terhadap sesuatu bahasa. Kelompok masyarakat yang dimaksudkan di sini termasuklah pelajar. Kelompok masyarakat tersebut akan membuat penilaian terhadap sesuatu bahasa itu berdasarkan pandangan mereka dengan dipengaruhi beberapa faktor yang berkaitan seperti daerah tempat tinggal, jantina, kelas sosial dan domain (Helga Bister-Broosen, 1997:305). Di samping itu umur, latar belakang pendidikan, pendedahan terhadap sesuatu bahasa memainkan peranan. Faktor-faktor tersebut, yang juga dikenali sebagai angkubah sosiolinguistik boleh menjadi penentu kepada sikap kelompok masyarakat, sama ada positif atau negatif terhadap sesuatu bahasa.

Secara umum sikap terhadap bahasa dilihat dari segi pandangan masyarakat terhadap bahasa itu seperti, menarik, sedap didengar, mudah dipelajari dan sebagainya. Secara yang lebih khusus pula dilihat, sikap positif atau negatif seseorang atau sesebuah komuniti terhadap sesuatu bahasa itu (sama ada bahasa asing atau bahasa ibunda) biasanya dipengaruhi oleh faktor-faktor yang berkaitan dengan ekonomi, sosial, politik, budaya dan agama. Aspek sosial termasuklah nilai atau prestij sesuatu bahasa itu di kalangan masyarakat dan fungsi sesuatu bahasa itu seperti membawa kemodenan, berprestij di peringkat antarabangsa atau meningkatkan taraf sosial. Dari segi ekonomi, dilihat sama ada bahasa itu mempunyai nilai ekonomi, seperti peluang pendidikan, membaikkan taraf hidup

atau peluang pekerjaan. Dari segi politik pula, dilihat sama ada bahasa itu merupakan bahasa rasmi atau bahasa kebangsaan. Dari segi budaya, dilihat sama ada suatu bahasa itu melambangkan budaya yang ingin diikuti ataupun budaya yang dipandang tinggi kerana ketamaduan masyarakat penuturnya. Akhir sekali dari segi agama, dilihat sama ada bahasa tersebut penting untuk mempelajari dan menyebarkan sesuatu agama.

Nik Safiah Karim (1988) pula mengatakan sikap terhadap bahasa juga dapat dilihat dalam konteks kesetiaan bahasa. Seseorang itu apabila lahir akan belajar sesuatu bahasa, iaitu bahasa ibundanya. Bahasa ibunda ini biasanya mempunyai hubungan emosi dengan seseorang. Keadaan ini dikenali sebagai kesetiaan bahasa, iaitu perasaan cinta akan bahasa asalnya. Menurut Ajid Che Kob (1998), masyarakat yang setia kepada bahasa mereka akan menggunakan bahasa mereka serta mempertahankan keasliannya, dan berasa bertanggungjawab untuk mencegah masuknya pengaruh pengaruh asing. Mereka yang bangga dengan bahasanya akan menjadikan bahasa mereka sebagai lambang identiti peribadi dan kelompoknya.

Sehubungan itu, Baker (1992) pula mengatakan sikap bahasa menentukan jangka hayat sesuatu bahasa. Ini disebabkan sesuatu bahasa itu akan terus hidup selagi masyarakat penutur bahasa itu bersikap ingin menggunakannya. Beliau menegaskan bahawa dalam jangka hayat sesuatu bahasa sikap terhadap bahasa itu amat penting dalam menentukan sama ada berlakunya pemulihan (*restoration*).

pemeliharaan (*preservation*), kemerosotan(*decay*) atau kematian (*death*) bahasa tersebut. Fasold (1984) mengatakan pemeliharaan bahasa bermakna komuniti secara kolektif terus menggunakan sesuatu bahasa atau kelainan bahasa berkenaan. Fasold (1984) juga mengatakan kematian bahasa terjadi apabila komuniti penutur bahasa tersebut beralih menggunakan bahasa baru sepenuhnya. Secara tidak langsung sikap positif terhadap sesuatu bahasa akan membolehkan berlakunya pemulihan dan pemeliharaan. Sikap negatif pula boleh menyebabkan berlakunya kemerosotan atau kematian bahasa tersebut.

Sikap pelajar secara umum terhadap sesuatu bahasa dapat dilihat melalui tanggapan pelajar terhadap bahasa berkenaan. Adanya anggapan seperti sesuatu bahasa itu mudah dipelajari, menarik atau sedap didengar. Ada juga yang berpandangan sebaliknya. Seperti yang telah dinyatakan oleh Richards, Platt dan Weber (1985), sikap positif atau negatif terhadap sesuatu bahasa boleh digambarkan melalui pandangan tentang bahasa tersebut.

Berdasarkan kajian-kajian yang telah dijalankan, didapati sikap pelajar terhadap bahasa secara umumnya bersifat sama ada positif atau negatif. Kajian-kajian oleh, Spolsky (1969), Lukmani (1972), Oller, Hudson dan Liu (1977), Chihara dan Oller (1977), Pierson, Fu dan Lee (1980), Fahmy dan Bilton (1992), Pennington dan Yue (1994), Chandrasegaran (1981), Jayatilaka (1982), Anie Atan (1982), Mariam Zamani (1983), Asmah Hj. Omar (1992), Nurhizan Abdul Manab (1996), Hamida (1996), Ahmad Masduki (1998), Charanjit Singh (1998) dan

Chow (2001) menunjukkan pelajar bersikap positif terhadap bahasa Inggeris. Kajian Lambert, Hodgson, Gardner dan Fillenbaum (1960) menunjukkan pelajar bersikap positif terhadap bahasa Perancis dan bahasa Inggeris dan kajian Gardner & Lambert (1959 dan 1972) menunjukkan pelajar bersikap positif terhadap bahasa Perancis. Kamsiah Abdullah (1984) di Singapura pula menunjukkan pelajar bersikap positif terhadap bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Kajian Ibtisam Naji (1999) dan Hassan Mohamad Doka (2000) juga menunjukkan pelajar bersikap positif terhadap bahasa Arab. Akhir sekali kajian Mohd. Samsuddin (1992) di Malaysia juga menunjukkan pelajar bersikap positif terhadap bahasa Melayu.

Kajian Sally (1981) di Singapura menunjukkan pelajar bersikap negatif terhadap bahasa Inggeris, tetapi bersikap positif terhadap bahasa Cina. Salim dan Feurverger (1996) dalam kajiannya terhadap pelajar Arab yang belajar bahasa Inggeris dan bahasa Hebrew, mendapati pelajar Arab yang mempelajari bahasa Inggeris di Kanada bersikap positif terhadap bahasa Inggeris. Manakala pelajar Arab yang belajar bahasa Hebrew di Israel bersikap kurang positif terhadap bahasa tersebut.

Kajian Hafriza Buranudeen Meedin (1993), mendapati pelajar bersikap positif terhadap bahasa Melayu, sebaliknya bersikap negatif terhadap bahasa Inggeris. Rajagopal (1976) dan Hamida (1996) pula mendapati secara umum pelajar bersikap negatif terhadap bahasa Inggeris.

Dalam kajian yang dijalankan ini, sikap pelajar secara umum terhadap bahasa Melayu dilihat dari segi pandangan pelajar terhadap bahasa ini, iaitu mudah dipelajari, amat menarik, banyak bunyi yang sedap didengar dan bahasa yang penting untuk komunikasi di Asia Tenggara. Ini selaras dengan Fasold (1984) yang mengatakan kajian tentang sikap bahasa boleh dilakukan dengan meminta responden atau subjek kajian memberikan pendapat mereka tentang sesuatu bahasa.

2.1.2 Sikap Terhadap Mempelajari Sesuatu Bahasa

Sikap memang memainkan peranan dalam mempelajari sesuatu bahasa, sama ada bahasa ibunda, bahasa kedua atau bahasa asing. Sikap bolehlah didefinisikan sebagai kecenderungan untuk memberi tindak balas positif atau negatif kepada perkara sosial. Taylor (1977) mengatakan,

“They are mental constituents which serve two important functions. Firstly, they organize a person’s social world such that when faced with a social stimulus, a person already has an organised mental construct which provides directions for how to behave with respect to the social object. Secondly, a person’s attitudes reflects his own values and those of his social group and as such a person can be reinforced by the group for the social object.”

(Taylor, 1977:237)

Sikap terhadap mempelajari sesuatu bahasa di kalangan pelajar, terutamanya dalam mempelajari bahasa kedua atau bahasa asing boleh dilakukan

dengan menilai pandangan pelajar terhadap bahasa yang dipelajari, sebab-sebab mereka mempelajari bahasa itu dan motivasi mereka mempelajari bahasa tersebut.

Pandangan pelajar terhadap ciri-ciri umum sesuatu bahasa, seperti bahasa tersebut mudah dipelajari, amat menarik, penting untuk berkomunikasi atau sedap didengar dapat memberi petunjuk sama ada pelajar bersikap positif atau negatif terhadap bahasa tersebut. Pengkaji-pengkaji seperti Lambert dan Gardner (1959), Anisfield dan Lambert (1961), Lukmani (1972), Rajagopal (1976), Kamsiah Abdullah (1984) Ibtisam Naji (1999), Hassan Mohamad Doka (2000) dan ramai lagi yang mengkaji sikap pelajar terhadap bahasa kedua atau bahasa asing telah pun meminta pandangan pelajar tentang perkara-perkara tersebut melalui borang soal selidik yang dikemukakan kepada pelajar.

Pelajar akan cenderung untuk bersikap positif dalam mempelajari sesuatu bahasa sekiranya bahasa itu mempunyai nilai prestij (Jakabovits, 1965; Lambert *et al.*, 1960; Macnamara, 1973; Asmah Hj. Omar, 1992), membawa kemodenan (Sally, 1981; Lukmani, 1872; Nurhizan Manab, 1996), mempunyai nilai ekonomi, seperti peluang pendidikan, membaiki taraf hidup atau peluang pekerjaan (Anisfield dan Lambert, 1961; Maknamara, 1973; Rajagopal, 1976; Kamsiah Abdullah, 1984; Lukmani, 1972; Nurhizan Abdul Manab, 1996; Salim dan Feuverger, 1996; Ahmad Masduki Komar, 1998), sama ada sesuatu bahasa itu melambangkan budaya yang ingin diikuti ataupun budaya yang dipandang tinggi kerana ketamadunannya (Pearl dan Lambert, 1961). Dari segi agama pula, dilihat

sama ada bahasa itu merupakan bahasa yang penting untuk mempelajari dan menyebarkan sesuatu agama (Ibtisam Naji, 1999 dan Hassan Mohamad Doka, 2000). Selain daripada itu, pandangan terhadap kumpulan penutur sesuatu bahasa (Gardner dan Lambert; 1959; Spolsky, 1969), identiti bangsa (Pierson, Fu dan Lee; 1980) dan kesetiaan bahasa (Worawit Baru, 1999).

Kajian yang dibuat oleh Rajagopal (1976) terhadap sikap pelajar-pelajar aliran Melayu dalam mempelajari bahasa Inggeris, mendapati pelajar bandar bersikap positif untuk mempelajari bahasa tersebut, kerana menyedari bahasa itu mempunyai nilai ekonomi, yakni akan memberi input untuk mendapat pekerjaan atau peluang lain. Beliau mendapati pelajar-pelajar di bandar mempunyai sikap yang positif terhadap bahasa Inggeris berbanding dengan pelajar luar bandar. Ini kerana mereka percaya pengetahuan bahasa Inggeris akan memudahkan mereka memperolehi pekerjaan yang baik dan mereka juga sedar bahawa buku-buku rujukan di universiti masih banyak lagi tertulis dalam bahasa Inggeris. Dapatan kajian ini telah disokong oleh pengkaji-pengkaji lain seperti Kamsiah Abdullah (1984), Nurhizan Abdul Manab (1996), Salim dan Feurverger dan sebagainya lagi. Kamsiah Abdullah (1984), mendapati sikap pelajar Melayu dalam mempelajari bahasa Inggeris adalah positif dan pengetahuan bahasa Inggeris dikaitkan dengan peluang pekerjaan yang bergaji lumayan dan peluang untuk melanjutkan pelajaran ke universiti. Nurhizan Abdul Manab (1996) pula mendapati pelajar mempunyai kesedaran bahasa Inggeris penting untuk maju dalam bidang sains dan teknologi, perniagaan dan perdagangan serta peluang

untuk mendapat pekerjaan bergaji tinggi. Salim dan Feurverger (1996) pula mengatakan pelajar bangsa Arab di Kanada bersikap positif terhadap bahasa Inggeris dan begitu terdorong mempelajari bahasa itu kerana merasakan dengan mempelajari bahasa itu mereka mempunyai peluang masa depan yang cerah. Sebaliknya sikap pelajar bangsa Arab di Israel dalam mempelajari bahasa Hebrew agak kurang positif, kerana mereka berasa terpaksa mempelajari bahasa tersebut.

Fungsi sesuatu bahasa juga akan menentukan sikap masyarakat sama ada mahu mempelajari atau tidak sesuatu bahasa. Menurut Nor Hisham Osman (1999) sering kali didapati bahasa yang membawa modenisasi akan dipelajari oleh anggota komuniti yang inginkan kemodenan. Orang yang menuturkan bahasa yang membawa modenisasi akan dipandang tinggi oleh komuniti dan dianggap sebagai golongan terpelajar. Hal ini dibuktikan dengan kajian yang telah dibuat Lukmani (1972) terhadap pelajar perempuan penutur bahasa Marathi di Bombay terhadap bahasa Inggeris. Mereka bersikap positif untuk mempelajari bahasa Inggeris kerana beranggapan bahawa kebolehan bertutur dalam bahasa Inggeris akan membolehkan mereka mencapai gaya hidup moden. Sally (1981) pula mendapati pelajar mengaitkan orang Singapura yang mendapat pendidikan Inggeris sebagai moden.

Fungsi bahasa sebagai bahasa ibunda juga mempengaruhi sikap pelajar terhadap bahasa. Kajian Mohd. Samsuddin Mahmod (1992) mendapati salah satu sebab pelajar bersikap positif dalam mempelajari bahasa Melayu adalah kerana

fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara di Malaysia dan bahasa ini juga merupakan bahasa ibunda mereka. Sehubungan itu, Nik Safiah Karim (1988) mengatakan sikap terhadap bahasa juga dapat dilihat dalam konteks kesetiaan bahasa. Seseorang itu apabila lahir akan belajar suatu bahasa, iaitu bahasa ibundanya. Bahasa ibunda ini biasa mempunyai hubungan emosi dengan seseorang. Keadaan ini dikenali sebagai kesetiaan bahasa, iaitu perasaan cinta akan bahasa asalnya.

Prestij dan status sesuatu bahasa juga memainkan peranan terhadap sikap pelajar mempelajari sesuatu bahasa. Reistra dan Johnson telah memberikan pandangannya dalam perkara ini dengan mengatakan;

“The social value, prestige or status of the second language is, as one might expect, found to be related to ease, or, otherwise of learning it”

(Reistra dan Johnson ,1962)

Pada tahun 1969 pula, Jakabovits telah merumuskan pendapatnya tentang faktor-faktor sikap yang relevan dalam konteks pembelajaran bahasa kedua. Menurut beliau status atau prestij sesuatu bahasa memainkan peranan yang relevan. Kajian Lukmani (1972) telah menyokong dapatan Jakabovits ini. Menurut Lukmani, pelajar Marathi yang dikajinya bersikap positif terhadap bahasa Inggeris yang dipelajari sebagai bahasa kedua, kerana mereka menganggap bahasa ini mempunyai status sosial dan berprestij.

Faktor prestij dan status ini memang memainkan peranan penting dalam membentuk sikap pelajar mempelajari bahasa kedua atau bahasa asing. Pada tahun 1960, Lambert, Hodgson, Gardner dan Fillenbaum telah membuat penyelidikan di Kanada untuk melihat sikap terhadap bahasa di kalangan pelajar universiti di Kanada. Hasil kajian menunjukkan bahawa responden memandang tinggi bagi bahasa yang dianggap mempunyai status lebih tinggi daripada bahasa yang mempunyai status yang lebih rendah. Dapatan kajian di Kanada ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar universiti dari kelompok penutur bahasa Inggeris Kanada dan pelajar universiti dari kelompok penutur bahasa Perancis Kanada telah meletakkan bahasa Inggeris sebagai lebih baik daripada bahasa Perancis. Adalah telah menjadi suatu yang telah dapat diterima bahawa orang-orang Kanada yang berbahasa Inggeris melihat golongan mereka lebih tinggi daripada golongan orang-orang Kanada yang berbahasa Perancis.

Dalam mempelajari bahasa asing, status dan prestij bahasa yang dipelajari amat berperanan. Kajian Chhaya Sawhney (1998) di Delhi terhadap pelajar India yang mempelajari bahasa Jerman sebagai bahasa asing mendapati pelajar yang dikaji bersikap positif terhadap bahasa Jerman dan bersikap positif dalam mempelajari bahasa tersebut kerana mereka berpendapat bahasa tersebut berprestij dan mendapat pengiktirafan sosial.

Pelajar juga didapati bersikap positif dalam mempelajari bahasa yang mempunyai fungsi sebagai bahasa penyebaran atau pengembangan agama yang

mereka anuti. Kajian Ibtisam Naji (1999) dan Hassan Mohamed Doka (2000) menunjukkan salah satu sebab pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia bersikap positif dalam mempelajari bahasa Arab adalah kerana bahasa tersebut merupakan bahasa agama Islam. Ibtisam Naji mengatakan faktor agama mempengaruhi sikap pelajar. Dalam kajiannya, beliau mendapati majoriti responden (85.7%) bersikap positif terhadap usaha memperkenalkan bahasa Arab di sekolah kebangsaan di Malaysia. Hal ini disebabkan pengetahuan bahasa Arab diperlukan untuk memahami Islam, membaca Al-Quran dengan betul dan untuk memahami secara mendalam makna Al-Quran. Worawit Baru (1999) pula mengatakan kedudukan bahasa Melayu di Selatan Thai sebagai bahasa untuk urusan agama Islam menyebabkan wujudnya situasi setia terhadap bahasa Melayu di kalangan orang Melayu di situ.

Di samping itu, positif atau negatifnya sikap pelajar terhadap mempelajari sesuatu bahasa atau bahasa asing, amat bergantung kepada sikap pelajar kepada kumpulan penutur bahasa tersebut. Kajian oleh Gardner dan Lambert (1959) terhadap sekumpulan pelajar Gred 11 yang mempelajari bahasa Perancis di Montreal telah membuktikan kenyataan ini. Dapatan kajian mereka menunjukkan positif atau negatifnya sikap pelajar terhadap bahasa Perancis amat bergantung kepada sikap pelajar terhadap kumpulan penutur bahasa tersebut. Pelajar yang mempunyai sikap ingin berbaik-baik dan memandang tinggi terhadap kumpulan penutur bahasa Perancis bersikap positif dalam mempelajari bahasa tersebut,

manakala pelajar yang bersikap benci atau menghina kumpulan penutur bahasa tersebut bersikap negatif kepada bahasa yang dipelajarinya itu.

Pada tahun 1972 pula, Gardner dan Lambert telah menyambung kajiannya di Kanada. Dapatan kajian di Kanada ini sama seperti dapatan kajian di Montreal, iaitu pelajar bersikap positif dalam mempelajari bahasa sasaran apabila mereka memandang tinggi kepada kumpulan penutur bahasa berkenaan.

Spolsky (1969) telah menyokong dapatan kajian Gardner dan Lambert (1959). Beliau telah menjalankan penyelidikan terhadap pelajar asing yang datang belajar di universiti di Amerika Syarikat. Hasil kajian menunjukkan sikap pelajar terhadap kumpulan penutur bahasa yang dipelajari mempunyai kesan yang besar. Pelajar akan bersikap lebih positif dalam mempelajari bahasa kedua apabila mereka mahu menjadi sebahagian daripada kumpulan penutur bahasa tersebut.

Kajian Oller, Hudson dan Liu P.F. (1978) terhadap pelajar Cina yang belajar di Universiti Amerika Syarikat juga membuktikan sikap pelajar terhadap mempelajari bahasa, amat bergantung kepada sikap pelajar kepada kumpulan penutur bahasa tersebut. Pengkaji-pengkaji mendapati lebih positif sikap mereka terhadap bangsa Amerika, maka lebih tinggi pula markah yang mereka perolehi bagi subjek bahasa tersebut.

Pierson, Fu, dan Lee (1980) yang mengkaji sikap pelajar yang mengikuti kursus bahasa Inggeris di Hong Kong mendapati pelajar menunjukkan sikap positif terhadap bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, mereka berasa dengan menggunakan bahasa Inggeris akan menunjukkan mereka tidak patriotik kepada bangsa dan bahasa ibunda mereka, dan berasa menjadi seperti orang asing. Hasil kajian mencerminkan ketegangan di antara keperluan dan keinginan menggunakan bahasa Inggeris dan pada masa yang sama ingin mengekalkan identiti sebagai orang Cina di kalangan masyarakat.

Ada juga kajian yang menunjukkan walaupun pelajar bersikap positif terhadap kumpulan penutur bahasa dan budaya bahasa yang dipelajari, namun mereka bersikap negatif dalam mempelajari bahasa tersebut. Anie Atan (1982) telah membuat penyelidikan terhadap pelajar Melayu di Universiti Teknologi Malaysia yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Hasil daripada kajian yang dijalankan, beliau mendapati pelajar bersikap negatif dalam mempelajari bahasa Inggeris. Pun begitu, sikap pelajar ini terhadap bahasa Inggeris agak positif. Sikap mereka terhadap kumpulan penutur dan budaya bahasa Inggeris juga postif.

Perbincangan di atas jelas menunjukkan sikap pelajar terhadap mempelajari bahasa boleh menjadi positif atau negatif bergantung kepada nilai prestij, status, fungsi, nilai ekonomi atau peluang masa depan yang cerah, identiti

bangsa dan budaya bahasa yang dipelajari serta pandangan mereka terhadap masyarakat penutur bahasa yang dipelajari.

2.1.3 Sebab-Sebab Pelajar Mempelajari Sesuatu Bahasa

Sikap pelajar terhadap bahasa juga dapat dilihat melalui sebab-sebab pelajar mempelajari sesuatu bahasa. Sebagai contoh, Mohd Samsuddin Mahmud (1992) mendapati tiga sebab utama pelajar yang dikajinya suka mempelajari bahasa Melayu, iaitu sifat bahasa Melayu yang senang dan menarik, kesedaran pelajar tentang bahasa Melayu sebagai mata pelajaran wajib dan minat pelajar terhadap mata pelajaran bahasa tersebut.

Umumnya ada beberapa sebab pelajar mempelajari sesuatu bahasa. Sebagai contoh, di kebanyakan universiti pelajar diwajibkan mengambil mata pelajaran bahasa asing sebagai satu mata pelajaran wajib atau pilihan. Ini berlaku biasanya pada peringkat pengajian di universiti. Dalam sesetengah kes pula, disebabkan kursus yang sedang diikuti oleh pelajar mewajibkan mereka mengambil mata pelajaran bahasa asing yang tertentu kerana keperluan kursus, maka terpaksalah pelajar tersebut mempelajari bahasa berkenaan. Dalam hal ini, pelajar akan mempelajari sesuatu bahasa itu kerana orientasi instrumental, iaitu bahasa yang dipelajari itu merupakan keperluan untuk membolehkan berjaya mengikuti sesuatu kursus.

Minat atau tertarik hati kepada kursus bahasa yang ditawarkan juga menyebabkan ada pelajar yang mengikuti sesuatu kursus bahasa. Ini bermakna tidak adanya paksaan tetapi pelajar tersebut berminat terhadap bahasa tersebut, maka dia mempelajarinya. Dalam kes ini, pelajar bernasib baik kerana bahasa yang diminatinya itu menepati keperluan kursus yang sedang diikuti. Biasanya pelajar akan berminat untuk mempelajari sesuatu bahasa disebabkan mereka telah terdedah dengan bahasa tersebut terlebih dahulu, yakni dipengaruhi oleh faktor persekitaran seperti mereka berada dalam persekitaran bahasa tersebut digunakan untuk berhubung. Oleh yang demikian, pelajar bersikap positif untuk mempelajari bahasa itu kerana pendedahan terhadap bahasa berkenaan. Hal ini seperti yang dinyatakan oleh Chandrasegaran (1981) yang mendapati pelajar sekolah menengah di bandar lebih bersikap positif terhadap Bahasa Inggeris berbanding dengan pelajar luar bandar, hasil daripada pendedahan kepada Bahasa Inggeris di kalangan pelajar bandar. Mereka juga tinggal dalam persekitaran yang memberi peluang kepada mereka untuk mendengar dan membaca menggunakan bahasa Inggeris.

Suka membaca bahan rujukan atau bahan pengajaran yang digunakan oleh guru atau pensyarah semasa mengajar sesuatu bahasa juga merupakan sebab pelajar mempelajari sesuatu bahasa. Menurut Mansour (1986, dipetik dari Ibtisam Naji (1999)), “Teaching materials” atau bahan pengajaran adalah merupakan satu angkubah yang boleh mempengaruhi sikap pelajar terhadap mempelajari bahasa kedua.

Adalah penting seseorang guru atau pensyarah itu mengenal pasti bahan rujukan atau bahan pengajaran yang menjadi pilihan pelajarnya. Ini disebabkan melalui bahan pengajaran ini menimbulkan minat pelajar untuk belajar dan seterusnya berjaya dalam pembelajaran sesuatu bahasa. Mohd. Samsuddin (1992) mendapati kekerapan membaca bahan bacaan tambahan, seperti majalah di kalangan pelajar tingkatan tiga berbangsa Melayu mempunyai kaitan dengan pencapaian mereka dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Asmah Hj. Omar (1992) pula mendapati bahan pengajaran yang membosankan merupakan sebab pelajar bersikap negatif terhadap kursus bahasa Inggeris di Universiti Malaya.

Mueller (1971) telah mengkaji sikap pelajar dalam kursus asas bahasa Perancis di Universiti Kentucky. Beliau telah membuat perhatian terhadap empat kumpulan pelajar yang belajar asas bahasa Perancis dengan kaedah pengajaran dan bahan pengajaran yang berbeza-beza, iaitu menggunakan teks yang terancang, teks *audio-lingual*, teks klasik dan teks sastera. Dapatkan kajian menunjukkan pelajar yang belajar menggunakan teks terancang menunjukkan sikap yang positif dan menganggap kursus tersebut menyenangkan dan bernilai. Sebaliknya pelajar yang belajar menggunakan teks audio-lingual dan teks klasik menunjukkan sikap yang negatif dan kurang dari segi pencapaian. Kumpulan yang diajar dengan menggunakan teks sastera seperti novel didapati kurang bersikap negatif berbanding dengan kumpulan yang belajar menggunakan teks klasik. Mueller (1971) bersetuju dan menganggap tahap akademik pelajar merupakan angkubah yang penting untuk diambil kira apabila hendak memilih

bahan pengajaran yang tepat. Kajian Mueller ini juga menunjukkan penggunaan teks terancang merupakan kaedah yang bersesuaian bagi pelajar kolej, berbanding dengan ketiga-tiga kaedah tersebut.

Faktor lain yang menjadi sebab pelajar mempelajari sesuatu bahasa sama ada bahasa kedua atau bahasa asing adalah kerana mereka lebih berminat mempelajari bahasa berbanding pelajaran lain. Ada di kalangan pelajar, terutamanya di universiti apabila diberi peluang untuk memilih mata pelajaran pilihan sebagai salah satu syarat kursus, mereka memilih untuk mengikuti kursus bahasa. Keadaan ini disebabkan mereka lebih berminat mempelajari bahasa berbanding dengan mata pelajaran lain. Sejak tahun 1950-an lagi pengkaji-pengkaji bahasa telah menyedari bahawa minat terhadap bahasa merupakan salah satu faktor yang menyebabkan pelajar mengikuti sesuatu kursus bahasa. Maka dengan itu tidak hairanlah apabila *Pimsleur Language Aptitude Battery* (1964) , iaitu salah satu ujian yang dibuat untuk mengukur bakat pelajar mempelajari bahasa asing telah memasukkan '*Interest in second-language study*' sebagai satu daripada soalan ujian.

Ada juga pelajar mempelajari atau mengikuti sesuatu kursus bahasa kerana menganggap mudah untuk mendapat markah tinggi. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan pelajar berpendapat mereka mudah mendapat markah tinggi dalam sesuatu mata pelajaran. Antaranya pelajar mungkin telah terdedah dengan bahasa tersebut dan mengetahui serba sedikit sistem ejaan dan tatabahasa

bahasa yang dipelajari. Ada juga disebabkan maklumat, pendapat atau dorongan daripada rakan-rakan yang pernah mengikuti kursus bahasa berkenaan. Hal ini sering terjadi di kalangan pelajar dewasa atau pelajar universiti yang mempelajari sesuatu kursus bahasa itu bukan disebabkan oleh faktor paksaan.

Pendekatan atau cara guru mengajar juga merupakan antara sebab pelajar mempelajari sesuatu bahasa. Ibsitam Naji (1999) mengatakan sesuatu kursus yang baik akan tidak berkesan sekiranya pendekatan mengajar atau cara guru mengajar tidak memuaskan. Gaya pengajaran dikatakan memuaskan apabila melalui gaya pengajaran tersebut tujuan dan keperluan pelajar mempelajari bahasa dan tahap pencapaian akademik yang diharapkan dapat dicapai. Cara guru mengajar dapat membantu pelajar memperbaiki pencapaian mereka dan menimbulkan sikap yang positif terhadap pembelajaran sesuatu bahasa, sama ada bahasa ibunda atau bahasa asing.

Tujuan pelajar mempelajari bahasa atau keperluan mereka mempelajari sesuatu bahasa adalah berbagai-bagai. Oleh itu, guru atau pensyarah bahasa harus bijak memilih cara pengajaran yang sesuai bagi membolehkan pelajar mencapai tujuan dan keperluan mereka mempelajari sesuatu bahasa. Kelas bahasa asing juga penting menggunakan kaedah pengajaran tertentu yang bergantung kepada tahap akademik pelajar. Sesuatu kaedah pengajaran itu mungkin baik atau berkesan dalam satu tahap akademik dan mungkin juga tidak berkesan bagi tahap akademik yang lain.

Terdapat berbagai kaedah atau cara yang boleh digunakan oleh guru atau pensyarah semasa mengajar bahasa. Setiap cara mengajar itu ada kelebihan dan kekurangannya. Kesesuaian penggunaannya juga bergantung kepada ciri pelajar seperti umur, tahap akademik dan tahap kursus bahasa yang diikuti. Sebagai contoh, bagi pelajar bahasa asing peringkat kolej atau universiti kaedah perbincangan dalam kumpulan mungkin lebih sesuai. Menurut Williams (1984), kaedah perbincangan dalam kumpulan mempunyai kelebihan dari segi keefisenan “*speaking time*” dalam bilik darjah. Ramai pelajar boleh bercakap dan memberi pendapat yang secara tidak langsung menggalakkan mereka berlatih menggunakan bahasa yang dipelajari secara efektif. Malah cara ini juga menggalakkan pelajar yang pemalu untuk bercakap. Kaedah perbincangan dalam kumpulan ini juga dapat menyediakan konteks untuk pembinaan perbendaharaan kata dan boleh disesuaikan kepada pelbagai peringkat pelajar dan pelbagai tahap penguasaan bahasa. Melalui kaedah ini juga dapat membantu memperbaiki pengetahuan bahasa dari segi pertuturan, pendengaran dan penulisan.

Personaliti guru juga merupakan antara sebab pelajar mempelajari sesuatu bahasa. Personaliti guru secara tidak langsung akan menimbulkan minat pelajar untuk bersikap positif dalam mempelajari sesuatu bahasa atau bersikap negatif dan tidak mahu mempelajari sesuatu bahasa. Chow (2001) mendapati personaliti guru adalah amat penting. Beliau yang mengkaji sikap pelajar Melayu dan pelajar Cina terhadap bahasa Inggeris di Universiti Malaya mengatakan pelajar dalam kajiannya amat menekankan ciri guru yang mereka suka. Ciri-ciri guru

bahasa yang disukai oleh pelajar ialah peramah dan mudah dihubungi. Di samping itu, pelajar juga suka kepada guru yang tahu waktu yang sesuai untuk berjenaka dan memasukkan unsur-unsur lucu semasa menyampaikan pelajaran. Beliau juga mendapati pelajar tidak suka kepada guru yang suka memaksa. Mereka berasa tegang apabila dipaksa oleh guru di dalam kelas bahasa Inggeris mereka. Mereka kecewa dan malu apabila diminta bercakap di hadapan kelas kerana khawatir akan melakukan kesilapan.

Perbincangan di atas menunjukkan terdapat beberapa sebab pelajar mempelajari sesuatu bahasa. Sebab-sebab tersebut melibatkan bahasa yang dipelajar, persionaliti pelajar, bahan pengajaran dan cara pengajaran serta guru atau pensyarah yang mengajar bahasa. Perkara tersebut umumnya memang mempengaruhi sikap pelajar dalam mempelajari sesuatu bahasa.

Dalam kajian ini, bagi mengetahui sebab-sebab pelajar mengikuti kursus bahasa Melayu, sebanyak tujuh soalan dalam bentuk kenyataan telah dikemukakan kepada responden melalui soal selidik.

2.1.4 Motivasi Pelajar dalam Mempelajari Sesuatu Bahasa

Motivasi mempunyai talian yang rapat dengan sikap. Untuk mengkaji sikap bahasa, aspek motivasi ini perlu diberikan perhatian. Dari aspek pembelajaran bahasa, sama ada bahasa ibunda atau bahasa asing motivasi ini amat

memainkan peranan. Sehubungan itu, Gardner telah memberikan definisi motivasi dalam konteks mempelajari bahasa, iaitu:

“...the combination of effort plus desire to achieve the goal of learning the language, plus favourable attitudes towards learning the language”

(Gardner, R.C, 1985:10)

Gardner juga mengatakan motivasi melibatkan empat aspek iaitu tujuan, perlakuan berusaha, keinginan untuk mencapai tujuan dan sikap yang menggalakkan terhadap aktiviti yang dilakukan.

Tujuan dalam konteks mempelajari bahasa merupakan perkara asas yang membentuk sikap dan motivasi. Menurut Gardner lagi, apabila memperkatakan tentang tujuan dalam mempelajari bahasa, banyak perkara yang boleh disenaraikan, misalnya, membolehkan bertutur dengan ahli sesuatu kumpulan komuniti bahasa, membolehkan pergi melancong, memenuhi tuntutan ibu bapa, memenuhi kehendak keperluan bahasa, untuk mendapat pekerjaan, untuk memperbaiki tahap pendidikan, untuk mendapat kuasa sosial dan sebagainya.

Banyak penyelidikan yang telah dibuat terhadap motivasi dalam mempelajari bahasa kedua atau bahasa asing di dalam dan luar negara. Antara pengkaji yang terawal membuat kajian tentang motivasi dalam mempelajari

bahasa kedua atau bahasa asing ialah Lambert dan Gardner (1959). Mereka telah menjalankan penyelidikan terhadap pelajar-pelajar yang mempelajari bahasa Perancis di Montreal. Melalui kajian ini mereka telah meneliti motivasi pelajar dalam mempelajari bahasa tersebut. Dua angkubah yang ditemui melalui kajian ini ialah motivasi instrumental dan motivasi integratif. Motivasi integratif dikesan daripada “*... desire to become more like valued members of the target language community*” (Gardner & Lambert, 1959). Motivasi instrumental pula dikesan daripada “*... determination to acquire another language to achieve such goals as good job or social recognition.*” (Clément, Gardner & Smith, 1977)

Sehubungan itu, Brown (1987) mengatakan kebanyakan kajian yang meneliti perkaitan di antara orientasi motivasi dan pencapaian dalam pembelajaran bahasa kedua menunjukkan motivasi integratif merupakan faktor penting yang mengarah kepada kejayaan dan pencapaian dalam proses mempelajari bahasa kedua.

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, Gardner dan Lambert telah menjalankan banyak kajian yang berkaitan dengan sikap dan motivasi dalam mempelajari bahasa kedua atau bahasa asing. Kajian pertama telah dibuat oleh Gardner dan Lambert (1959), yang mengkaji pelajar penutur bahasa Inggeris di sekolah tinggi di Montreal yang sedang belajar bahasa Perancis. Pelajar-pelajar ini telah mengikuti kursus bahasa Perancis secara formal selama tujuh tahun. Motivasi mempelajari bahasa tersebut merupakan salah satu aspek yang diteliti

dalam penyelidikan ini. Ukuran kekuatan motivasi dalam kajian ini adalah berdasarkan indeks yang telah digunakan oleh Jones (1949 dan 1950) semasa membuat kajian di Wales. Data dikumpul melalui borang soal selidik. Dapatan daripada kajian yang dijalankan menunjukkan motivasi pelajar adalah bersifat integratif dan instrumental. Bagaimanapun, pelajar yang bermotivasi integratif lebih berjaya dalam mempelajari bahasa kedua. Menurut pengkaji keinginan untuk menjadi ahli kumpulan bahasa yang dipelajari merupakan ciri motivasi pelajar.

Pada tahun 1960 Gardner telah menyambung penyelidikan untuk mengesahkan dapatan yang diperolehi daripada kajian pertama tersebut. Pelajar yang dikaji hanya daripada kelompok yang menggunakan bahasa Inggeris di rumah. Soalan-soalan yang dikemukakan untuk mengukur motivasi pelajar adalah sama, seperti soalan yang telah digunakan sebelum ini. Melalui kajian ini Gardner mengesahkan bahawa motivasi pelajar adalah bersifat integratif dan instrumental dalam mempelajari bahasa Perancis. Dapatan kajian juga menunjukkan pelajar yang bermotivasi integratif lebih berjaya. Motivasi integratif dapat dilihat daripada sikap positif pelajar terhadap penutur bahasa kedua.

Dapatan kajian ini disokong oleh Spolsky (1969), yang mendapati motivasi integratif memainkan peranan penting dalam membentuk sikap pelajar terhadap mempelajari bahasa kedua. Keinginan untuk menjadi ahli kumpulan penutur sesuatu bahasa adalah faktor utama kejayaan mempelajari bahasa. Beliau

mengatakan, “*A person learns a language better when he wants to be a member of the group speaking that language.*”

Walau bagaimanapun, banyak kajian yang dijalankan menunjukkan motivasi pelajar mempelajari sesuatu bahasa adalah bersifat instrumental. Kajian oleh Anisfield dan Lambert (1961), Lukmani (1972), Rajagopal (1976), Oller, Hudson dan Liu (1977), Chandrasegaran (1981), Kamsiah Abdullah (1984), Ramage (1990), Nurhizan Abdul Manab (1996), Salim dan Feuverger (1996) dan Chhaya Sawhney (1998) jelas menunjukkan motivasi pelajar mempelajari bahasa ibunda, bahasa kedua atau bahasa asing lebih bersifat instrumental.

Pada tahun 1961 pula Anisfield dan Lambert telah mengkaji sikap pelajar bangsa Yahudi dalam mempelajari bahasa Hebrew di tiga buah sekolah tinggi Montreal. Pelajar ini mempelajari bahasa Hebrew sebagai bahasa asing, walaupun bahasa tersebut merupakan bahasa ibunda mereka. Hasil daripada kajian yang dijalankan, Anisfield dan Lambert merumuskan motivasi pelajar mempelajari bahasa kedua lebih bersifat instrumental. Pelajar bangsa Yahudi ini didapati mempelajari bahasa Hebrew untuk tujuan mendapat pekerjaan. Bagi mereka penguasaan dalam bahasa tersebut merupakan satu kelebihan.

Lukmani (1972) telah mengkaji tentang motivasi untuk mempelajari bahasa Inggeris dan pencapaiannya dalam bahasa tersebut di kalangan pelajar perempuan penutur bahasa Marathi di Bombay. Tujuannya untuk melihat sama

ada motivasi pelajar dalam mempelajari bahasa Inggeris ini bersifat instrumental atau integratif. Kajian dibuat dengan tujuan untuk membuktikan apa yang telah diutarakan oleh Lambert (1959). Dapatan kajian menunjukkan adanya persamaan dengan dapatan Anisfield dan Lambert (1961), iaitu murid-murid Marathi ini mempunyai motivasi instrumental terhadap mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Pelajar memandang bahasa Inggeris sebagai bahasa yang membawa kemodenan dan kehidupan yang lebih baik.

Rajagopal (1976) dalam kajiannya terhadap sikap dan motivasi pelajar Melayu dalam mempelajari bahasa Inggeris juga menunjukkan bahawa motivasi pelajar mempelajari bahasa ini bersifat instrumental. Menurut beliau pelajar bandar sedar tentang kepentingan bahasa tersebut kerana penguasaan dalam bahasa Inggeris akan membolehkan mereka mendapat peluang pekerjaan yang baik dan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi. Mereka juga sedar bahawa kebanyakan buku rujukan di universiti adalah dalam bahasa Inggeris.

Oller, Hudson dan Liu (1977) telah mengkaji sikap dan pencapaian pelajar terhadap bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di kalangan pelajar yang menuntut di universiti di Amerika Syarikat. Pelajar tersebut merupakan penutur jati bahasa Cina yang lahir di Amerika Syarikat. Dapatan kajian menunjukkan motivasi mereka mempelajari bahasa Inggeris adalah bersifat instrumental, iaitu atas alasan perniagaan seperti mudah untuk memdapat peluang perniagaan dan tujuan mendapat pendidikan.

Kajian Kamsiah (1984) tentang sikap pelajar Melayu di Singapura terhadap mempelajari bahasa Melayu dan bahasa Inggeris juga menyokong dapatan ini. Kamsiah mendapati motivasi pelajar Melayu dalam mempelajari bahasa Inggeris lebih bersifat instrumental, iaitu peluang pekerjaan yang bergaji lumayan, peluang untuk melanjutkan pelajaran ke universiti akan diperolehi jika mereka menguasai bahasa Inggeris. Pelajar kurang bermotivasi terhadap mempelajari bahasa Melayu kerana pengetahuan bahasa Melayu tidak dianggap penting dari segi peluang pekerjaan.

Nurhizan Abdul Manab (1996) yang mengkaji sikap terhadap mempelajari bahasa Inggeris di kalangan pelajar sekolah menengah di daerah Kuala Trengganu mendapati motivasi pelajar mempelajari bahasa tersebut lebih bersifat instrumental. Pelajar sedar bahasa Inggeris penting untuk maju dalam bidang sains dan teknologi, peningkatan perdagangan dan peluang mendapat pekerjaan yang bergaji tinggi.

Kajian Salim dan Feuerherger (1996) juga membuktikan motivasi yang bersifat instrumental dalam mempelajari bahasa kedua. Mereka telah mengkaji sikap pelajar bangsa Arab yang merupakan kaum minoriti dalam mempelajari bahasa kedua di dua negara yang berbeza dari segi latar belakang budaya, iaitu di Kanada dan di Israel. Keputusan kajian menunjukkan di Kanada pelajar bangsa Arab ini bersikap positif terhadap bahasa Inggeris. Mereka begitu terdorong untuk mempelajari bahasa ini kerana merasakan adanya peluang masa depan yang cerah

dengan mempelajari bahasa ini. Sikap pelajar bangsa Arab di Israel dalam mempelajari bahasa Hebrew agak kurang positif berbanding dengan dapatan di Kanada. Walaupun pelajar bangsa Arab ini berasa mereka ‘dipaksa’ mempelajari bahasa Hebrew, namun motivasi mereka mempelajari bahasa ini adalah lebih bersifat instrumental.

Chhaya Sawhney (1998) yang mengkaji sikap dan motivasi pelajar India di Delhi dalam mempelajari bahasa Jerman sebagai bahasa asing juga mendapatkan motivasi pelajar lebih bersifat instrumental. Mereka berpendapat dengan menguasai bahasa Jerman, mereka akan mendapat pekerjaan yang baik, menjalankan perniagaan di peringkat antarabangsa, membaca novel Jerman dan alat untuk berinteraksi.

Ramage (1990) telah mengkaji faktor motivasi dan keberterusan mempelajari bahasa Perancis sebagai bahasa asing. Objektif kajian adalah untuk melihat motivasi pelajar mempelajari bahasa asing dan faktor-faktor yang membezakan di antara pelajar yang ingin meneruskan kursus bahasa asing dengan pelajar yang tidak mahu meneruskan kursus bahasa asing. Dapatan kajian menunjukkan pelajar bersikap positif terhadap bahasa asing. Motivasi instrumental yakni kecekapan berbahasa dan faedah daripada menguasai sesuatu bahasa merupakan faktor yang penting. Bagi pelajar yang tidak berminat untuk menyambung kursus bahasa asing, mereka mengambil kursus ini hanya untuk memenuhi keperluan kolej. Jelas di sini kajian Ramage turut mengesahkan

bahawa motivasi instrumental mempengaruhi pelajar mempelajari bahasa asing, sama ada bagi mereka yang ingin menyambung kursus bahasa tersebut atau golongan yang tidak menyambung kursus bahasa asing ini.

Chandrasegaran (1981) yang mengkaji sikap pelajar terhadap mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di kalangan pelajar sekolah menengah di Johor Bahru, pula mendapati motivasi pelajar mempelajari bahasa tersebut bersifat instrumental dan integratif. Menurut beliau kedua-dua motivasi tersebut sama-sama penting.

Selain daripada motivasi instrumental dan integratif tersebut, pelajar juga akan mempelajari sesuatu bahasa kerana motivasi identiti diri dan kesetiaan kepada bahasa ibunda. Dalam kajian-kajian oleh pengkaji terdahulu identiti dan kesetiaan kepada bahasa ibunda bukanlah merupakan sejenis motivasi, tetapi berfungsi sebagai salah satu angkubah terhadap sikap dan motivasi. Oleh itu, didapati pengkaji seperti Gardner dan Lambert (1959, 1972) yang banyak membuat kajian tentang sikap terhadap mempelajari bahasa dan kemudiannya mengemukakan teori tentang motivasi dalam mempelajari bahasa (iaitu motivasi instrumental dan motivasi integratif) tidak mengatakan identiti dan kesetiaan kepada bahasa ibunda sebagai salah satu motivasi dalam mempelajari bahasa. Ini kerana pengkaji-pengkaji tersebut mengkaji sikap bahasa dalam mempelajari bahasa kedua, bukannya sikap dalam mempelajari bahasa ibunda atau sikap dalam mempelajari bahasa ibunda sebagai bahasa asing. Motivasi identiti dan kesetiaan

kepada bahasa ibunda ini adalah juga dikenali sebagai sifat etnosentrik oleh Lambert dan Gardner (1972). Dalam kajian Lambert dan Gardner ini mereka mentafsirkan etnosentrik sebagai sifat yang ada dalam diri pelajar terhadap bangsa, bahasa ibunda dan budaya kaum pelajar itu sendiri. Sifat etnosentrik yang mendalam dikatakan menyebabkan pelajar bersikap negatif terhadap bahasa sasaran dan kumpulan penutur bahasa sasaran yang dipelajari. Oleh sebab itu sifat etnosentrik ini tidak menggalak atau bukan menjadi motivasi pelajar dalam mempelajari bahasa kedua. Kajian Gardner dan Lambert (1972) di Maine dan Connecticut mendapati murid-murid yang mempunyai sifat etnosentrik yang kuat tidak begitu berjaya dalam pembelajaran bahasa Perancis mereka.

Sebaliknya dalam mempelajari bahasa ibunda, sama ada bahasa itu bertaraf sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, atau bahasa asing, sifat etnosentrik atau identiti diri dan kesetiaan kepada bahasa ibunda memang merupakan salah satu motivasi pelajar mempelajari bahasa tersebut. Sehubungan itu, Kamsiah Abdullah (2000) dalam penyelidikannya telah mengistilahkan sifat etnosentrik itu kepada perasaan mencintai bangsa, bahasa dan mengekalkan identiti bangsa.

Dalam kajian yang dijalankan terhadap pelajar Selatan Thailand yang mempelajari bahasa Melayu ini, majoriti pelajar yang mengikuti kursus bahasa Melayu sebagai bahasa asing tersebut adalah berasal daripada keturunan Melayu. Bahasa Melayu yakni dialek Melayu Patani merupakan bahasa ibunda ibu bapa

atau bahasa nenek moyang kebanyakan pelajar. Mereka pula mempelajari bahasa Melayu sebagai satu mata pelajaran bahasa asing di universiti. Maka motivasi identiti dan kesetiaan kepada bahasa ibunda/nenek moyang merupakan antara motivasi yang menjadi ukuran dalam kajian ini.

Ibu bapa dalam hal ini amat memainkan peranan penting. Ibu bapa berperanan sebagai pembentuk sikap etnosentrik atau identiti diri serta taat setia kepada bahasa dan budaya kepunyaan ibu bapa atau nenek moyang. Ibu bapa akan menggalakkan anak-anak mereka bersikap positif dalam mempelajari bahasa yang menjadi lambang identiti mereka.

Kajian Sharma (1983) secara tidak langsung mengesahkan perkara ini. Sharma telah mengkaji sikap ibu bapa kumpulan minoriti, iaitu keluarga India yang tinggal di Britain terhadap anak-anak mereka dalam mempelajari bahasa Inggeris dan bahasa ibunda mereka. Didapati faktor yang bersifat instrumental dan integratif telah menggalakkan ibu bapa keluarga India ini bersikap positif dan menghantar anak mereka belajar bahasa Inggeris melalui sistem persekolahan negara itu. Namun ibu bapa keluarga India ini juga mahu anak mereka belajar bahasa ibunda mereka bagi tujuan mengekalkan penguasaan bahasa ibunda mereka yakni identiti diri.

Mohd. Samsuddin Mahmud (1992) telah mengkaji sikap pelajar Melayu di sekolah agama dalam mempelajari bahasa Melayu. Beliau mendapati majoriti

pelajar bersikap positif terhadap mempelajari bahasa itu. Antara sebabnya adalah bahasa tersebut adalah bahasa ibunda mereka.

Kamsiah Abdullah (1984) telah menggunakan sifat etnosentrik sebagai salah satu angkubah yang mengukur sikap dan motivasi pelajar dalam mempelajari bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Responden dalam kajian beliau mempunyai sifat etnosentrik yang kuat dari segi mencintai bangsa, bahasa, mengekalkan identiti bangsa dan kebudayaan Melayu. Malah beliau mendapati pelajar Melayu yang dikajinya mempunyai sifat patriotisme yang sihat. Namun begitu, sikap pelajar tersebut dalam mempelajari bahasa Melayu adalah agak negatif. Sebaliknya mereka bersikap positif terhadap mempelajari bahasa Inggeris dan kebudayaan Inggeris.

Perbincangan di atas jelas menunjukkan motivasi pelajar dalam mempelajari sesuatu bahasa/bahasa asing umumnya berorientasi instrumental, integratif dan identiti diri serta kesetiaan kepada bahasa ibunda. Hal ini selaras dengan pandangan Gardner (1985), yang mengatakan kebanyakan kajian sikap terhadap mempelajari bahasa telah membuat perbandingan di antara orientasi integratif dan orientasi instrumental. Orientasi integratif merujuk kepada minat pelajar dalam mempelajari bahasa adalah bertujuan untuk memudahkan integrasi dengan komuniti penutur bahasa yang dipelajari. Manakala, orientasi instrumental pula memfokus kepada aspek utilitarian dalam mempelajari bahasa tersebut, yakni kegunaan bahasa yang dipelajari itu seperti dalam usaha untuk mendapat

pekerjaan yang baik. Sikap yang berorientasi instrumental dan integratif di kalangan pelajar biasanya terjadi apabila mereka mempelajari bahasa asing atau bahasa kedua yang tidak ada kaitan dengan ibu bapa atau nenek moyang mereka. Di samping itu, sikap pelajar terhadap mempelajari bahasa juga adalah berorientasi etnosentrik, iaitu identiti diri dan kesetiaan terhadap bahasa ibunda. Orientasi ini jelas di kalangan pelajar kaum minoriti yang mempelajari bahasa ibundanya sebagai satu mata pelajaran bahasa asing atau bahasa kedua di sekolah.

Dalam kajian yang dijalankan ini, motivasi pelajar-pelajar di Selatan Thai terhadap mempelajari bahasa Melayu dilihat dari ketiga-tiga aspek, iaitu motivasi integratif, motivasi instrumental dan motivasi identiti dan kesetiaan terhadap bahasa ibunda/ nenek moyang.

2.1.5 Faktor yang Mempengaruhi Sikap dan Motivasi Pelajar Mempelajari Sesuatu Bahasa

Terdapat beberapa faktor yang menyumbang dan mempengaruhi sikap dan motivasi pelajar dalam mempelajari sesuatu bahasa. Faktor-faktor tersebut juga dikenali sebagai angkubah. Baker (1992) melalui pemerhatiannya terhadap kajian-kajian lalu telah membuat rumusan tentang angkubah yang menentukan sikap bahasa. Menurut beliau umur, jantina, latar belakang bahasa, jenis sekolah dan kebolehan berbahasa (bagi bahasa yang dikaji) merupakan angkubah yang jelas mempengaruhi sikap bahasa. Helga Bister-Broosen (1997) pula mengatakan angkubah yang mempengaruhi sikap bahasa adalah daerah tempat tinggal, jantina,

kelas sosial dan domain, di samping itu umur, latar belakang pendidikan, pendedahan terhadap sesuatu bahasa turut memainkan peranan.

Berdasarkan kajian-kajian lalu, didapati faktor atau angkubah yang mempengaruhi sikap pelajar dalam mempelajari sesuatu bahasa adalah berbeza-beza bergantung kepada kajian dan tumpuan yang diberikan dalam sesuatu kajian. Oleh yang demikian, dalam bahagian ini akan dibincangkan faktor atau angkubah yang sering diberi tumpuan oleh pengkaji-pengkaji yang mengkaji tentang sikap pelajar dalam mempelajari bahasa. Faktor atau angkubah tersebut adalah bahasa ibunda, ibu bapa, tatatingkat sosioekonomi pelajar, kedudukan sekolah, tempat tinggal pelajar, jantina, bangsa dan agama.

Bahasa ibunda pelajar dikatakan merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi sikap pelajar dalam mempelajari bahasa. Bahasa ibunda melambangkan identiti dan budaya seseorang individu. Oleh yang demikian bahasa ibunda mempengaruhi sikap pelajar terhadap mempelajari sesuatu bahasa, sama ada menjadikan sikap mereka postif atau negatif. Kajian yang dibuat oleh Mohd. Samsuddin Mahmod (1992), menunjukkan pelajar dalam kajiannya bersikap postif terhadap bahasa Melayu disebabkan bahasa tersebut penting dalam kehidupan mereka kerana bahasa tersebut adalah bahasa ibunda mereka.

Kajian Kamsiah Abdullah (1984) mendapati pelajar Melayu Singapura bersikap positif terhadap bahasa Melayu yang merupakan bahasa ibunda mereka

dari segi mencintai bahasa tersebut dan fungsi bahasa tersebut dalam mengekalkan identiti bangsa dan kebudayaan Melayu, walaupun secara umum didapati mereka kurang positif dalam mempelajari bahasa Melayu berbanding bahasa Inggeris.

Haffiza Buranudeen Meedin (1993) pula mendapati pelajar Melayu (berumur 16 hingga 19) yang mendapat pendidikan aliran Melayu yakni bahasa ibunda mereka, menunjukkan sikap yang kurang berminat terhadap bahasa Inggeris. Mereka mengatakan belajar bahasa Inggeris adalah membosankan. Bagi pelajar tersebut bahasa Melayu yakni bahasa ibunda mereka yang akan membolehkan mereka maju dalam bidang sosioekonomi.

Chow (2001) yang mengkaji sikap pelajar Melayu dan pelajar Cina terhadap bahasa Inggeris mendapati 75.6 peratus respondennya tidak bersetuju dengan kenyataan bahasa Inggeris lebih baik daripada bahasa ibunda mereka. Keadaan ini menunjukkan pelajar mempunyai sentimen yang kuat terhadap bahasa ibunda.

Selain bahasa ibunda, ibu bapa amat mempengaruhi sikap pelajar dalam mempelajari sesuatu bahasa. Menurut Ibtisam Naji (1999), sikap ibu bapa dan galakan yang diberikan kepada anak-anak untuk menggunakan bahasa asing/kedua, di samping latar belakang bahasa mereka, mempunyai pengaruh yang besar terhadap sikap dan pencapaian pelajar.

Gardner (1960) yang mengkaji sikap dan motivasi pelajar terhadap bahasa Perancis mendapati ibu bapa memainkan peranan dalam membentuk motivasi pelajar. Sikap positif ibu bapa terhadap komuniti yang menuturkan bahasa Perancis mendorong sikap dan motivasi pelajar mempelajari bahasa tersebut.

Dalam kajian Gardner dan Lambert (1972) di Louisiana pula mereka telah membuktikan sikap positif pelajar dalam mempelajari bahasa Perancis sebagai bahasa kedua adalah disebabkan galakan yang kuat daripada ibu bapa. Dalam kajian ini mereka mendapati pelajar yang ibu mereka mahir berbahasa Perancis telah mendapat faedah dengan mendapat pencapaian yang baik dalam mata pelajaran tersebut, di samping bersikap yang positif terhadap bahasa itu. Sehubungan itu Gardner (1991) telah menekankan latar belakang bahasa ibu bapa memainkan peranan dalam membentuk sikap pelajar dalam mempelajari bahasa. Sulaiman (1993) yang telah menguji dapatan tersebut, mendapati ibu bapa pelajar Arab yang pekerjaan mereka memerlukan bahasa Inggeris sebagai bahasa untuk berhubung atau berkomunikasi merupakan kelompok utama yang menggalakkan anak-anak mereka mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua.

Galakan ibu bapa memang mempunyai kesan terhadap motivasi pelajar mempelajari sesuatu bahasa. Kamsiah Abdullah (1984) mendapati galakan ibu bapa terbukti memberi kesan terhadap sikap dan motivasi pelajar dalam mempelajari bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Menurut beliau, motivasi

murid-murid terhadap mempelajari kedua-dua bahasa tersebut adalah lebih tinggi di kalangan mereka yang mendapat galakan daripada ibu bapa, sebaliknya di kalangan murid yang mempunyai ibu bapa yang tidak menghiraukan pelajaran kedua-dua bahasa itu, motivasi mereka lebih rendah.

Selain daripada memberi galakan, ibu bapa juga menentukan tahap sosioekonomi pelajar. Tatatingkat sosiekonomi pelajar juga didapati mempunyai kesan terhadap sikap dan motivasi pelajar mempelajari sesuatu bahasa. Kamsiah (1984) mendapati tingkat sosioekonomi yang diwakili oleh tingkat tertinggi pelajaran bapa mempunyai kesan terhadap sikap dan motivasi dalam mempelajari bahasa Inggeris. Beliau mendapati lebih tinggi status ekonomi ibu bapa, lebih tinggi motivasi terhadap mempelajari bahasa Inggeris. Namun begitu tingkat sosioekonomi tidak mempunyai kesan terhadap motivasi pelajar mempelajari bahasa Melayu.

Jayatilaka (1982) yang mengkaji motivasi dan angkubah sikap dalam mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di kalangan pelajar Universiti Sains Malaysia pula, mendapati tahap sosioekonomi merupakan faktor yang turut mempengaruhi sikap dan motivasi pelajar dalam mempelajari bahasa tersebut. Pelajar dari kumpulan sosioekonomi yang tinggi bersikap lebih positif terhadap bahasa Inggeris, berbanding dengan pelajar yang datang dari kumpulan tahap ekonomi yang rendah. Dapatan ini sama seperti yang ditemui oleh Mariam Zamani (1983).

Mariam Zamani (1983) telah mengkaji sikap pelajar tingkatan empat di lapan buah sekolah kerajaan di Pulau Pinang terhadap mempelajari bahasa Inggeris. Beliau mendapati pelajar dari kumpulan sosioekonomi sederhana dan rendah mempunyai sikap yang kurang positif terhadap bahasa Inggeris, sebaliknya pelajar dari kumpulan sosioekonomi yang tinggi mempunyai sikap yang lebih positif terhadap bahasa tersebut.

Kajian Ramage (1990) juga menunjukkan bahawa tatatingkat ekonomi mempunyai kesan terhadap sikap pelajar mempelajari bahasa asing. Melalui kajian yang dijalankan, beliau mendapati pelajar dari golongan elit lebih berminat untuk menyambung kursus bahasa asing.

Kedudukan sekolah atau persekitaran sekolah juga merupakan faktor yang mempengaruhi sikap dan motivasi pelajar dalam mempelajari sesuatu bahasa. Kajian yang dibuat oleh pengkaji sebelum ini telah membuktikannya. Kajian Rajagopal (1976) menunjukkan pelajar yang tinggal dan bersekolah di bandar bersikap positif terhadap bahasa Inggeris jika dibandingkan dengan pelajar yang tinggal dan bersekolah di luar bandar. Menurut beliau, pelajar bandar menyedari bahawa bahasa Inggeris penting untuk mendapatkan peluang pekerjaan dan juga peluang untuk melanjutkan pelajaran. Ini kerana pelajar di bandar terdedah dengan persekitaran masyarakat yang menggunakan bahasa Inggeris dalam urusan pekerjaan. Bagaimana pun, pelajar dari sekolah luar bandar yang tidak terdedah dengan fenomena itu, menyebabkan mereka tidak berminat untuk mempelajari

bahasa itu. Hal yang sama juga telah ditemui oleh Chandrasegaran (1981) yang mendapati pelajar sekolah menengah di kawasan bandar mempunyai sikap yang lebih positif terhadap bahasa Inggeris berbanding pelajar yang bersekolah di luar bandar.

Sehubungan itu, tempat tinggal pelajar juga turut mempengaruhi sikap pelajar. Pelajar biasanya akan bersekolah di sekolah yang berhampiran dengan tempat tinggal mereka. Dapatan Rajagopal (1976) dan Chandrasegaran (1981) secara tidak langsung membuktikan pelajar yang tinggal di bandar mempunyai sikap yang positif terhadap bahasa Inggeris, berbanding dengan pelajar yang tinggal dan bersekolah di kampung. Chandrasegaran (1981) menambah, pelajar yang tinggal dan bersekolah di bandar mendapat peluang pendedahan terhadap bahasa Inggeris. Mereka tinggal dalam persekitaran yang membolehkan mereka mendengar bahasa ini digunakan dan mudah untuk mendapatkan bahan bacaan dalam bahasa Inggeris. Kajian Habibah Elias (1992) pula menunjukkan pelajar-pelajar dari bandar mempunyai motivasi intensiti yang lebih tinggi daripada pelajar-pelajar dari pekan kecil dan luar bandar.

Berdasarkan kajian lalu juga didapati jantina merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi sikap terhadap mempelajari bahasa. Ramai pengkaji mendapati pelajar perempuan bersikap lebih positif dalam mempelajari bahasa. Jones (1949 dan 1950) mendapati terdapat satu perangkaan yang signifikan perbezaan sikap di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan terhadap bahasa

Welsh. Pelajar perempuan bersikap lebih positif terhadap bahasa Welsh berbanding pelajar lelaki. Gardner dan Lambert (1972) melaporkan pelajar perempuan bersikap lebih positif terhadap bahasa Perancis berbanding dengan pelajar lelaki. Habibah Elias (1992) yang mengkaji motivasi dan sikap terhadap bahasa Inggeris di kalangan 362 orang pelajar tahun pertama di Universiti Pertanian Malaysia, mendapati sikap pelajar perempuan terhadap bahasa Inggeris lebih baik daripada pelajar lelaki. Ahmad Masduki Komar (1998) mengatakan pelajar perempuan bersikap lebih positif dan memperlihatkan motivasi yang lebih tinggi berbanding pelajar lelaki.

Ada juga pengkaji yang mendapati jantina tidak mempengaruhi sikap pelajar dalam mempelajari bahasa. Pengkaji seperti Kamsiah Abdullah (1984) mendapati angkubah jantina tidak mempengaruhi sikap pelajar dalam mempelajari bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Ibtisam Naji (1999) pula mengatakan sikap pelajar terhadap bahasa Arab tidak dipengaruhi oleh faktor jantina. Chow (2001) juga mendapati jantina tidak mempengaruhi sikap pelajar terhadap bahasa Inggeris.

Apa yang ketara di sini, kebanyakan kajian yang menunjukkan faktor jantina mempengaruhi sikap pelajar, membuktikan pelajar perempuan bersikap lebih positif terhadap mempelajari bahasa. Tidak ada kajian yang menunjukkan pelajar lelaki bersikap lebih positif daripada pelajar perempuan.

Faktor bangsa atau kumpulan etnik juga dikatakan mempengaruhi sikap terhadap bahasa. Kajian yang dijalankan oleh pengkaji-pengkaji di Malaysia menunjukkan faktor bangsa mempengaruhi sikap. Charanjit (1998) telah membandingkan sikap pelajar Fakulti Sastera dan Sains Sosial dengan pelajar Fakulti Kejuruteraan di Universiti Malaya terhadap bahasa Inggeris. Tumpuan kajian diberikan kepada bangsa Melayu dan bangsa Cina di kedua-dua fakulti. Beliau mendapat terdapat perbezaan yang signifikan sikap pelajar bangsa Cina dan pelajar bangsa Melayu. Pelajar Cina bersikap lebih positif berbanding dengan pelajar Melayu. Pelajar Cina di Fakulti Kejuruteraan mempunyai sikap yang lebih positif terhadap bahasa Inggeris berbanding dengan pelajar Cina di Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Manakala tidak terdapat perbezaan sikap di kalangan pelajar Melayu di kedua-dua fakulti.

Ahmad Masduki Komar (1998) pula telah mendapat pelajar bukan Melayu mempunyai sikap yang lebih positif terhadap bahasa Inggeris berbanding dengan pelajar Melayu. Dapatan kajian beliau adalah sama dengan dapatan kajian Chow (2001) yang mendapat sikap responden keseluruhannya positif terhadap bahasa Inggeris dan angkubah bangsa didapati mempunyai pengaruh terhadap sikap. Pelajar keturunan Cina didapati bersikap lebih positif berbanding dengan pelajar keturunan Melayu.

Agama turut menjadi salah satu faktor yang perlu diambil kira dalam menentukan sikap pelajar terhadap sesuatu bahasa. Ini disebabkan bahasa bukan

sekadar alat untuk menyampaikan mesej, tetapi bahasa juga menggambarkan persionaliti diri dan identiti diri. Ibtisam Naji (1999) mengatakan individu akan bersikap positif terhadap sesuatu bahasa yang menyumbang kepada pembentukan persionaliti seseorang dan membantu menyediakan jawapan dan penyelesaian kepada sesuatu persoalan dan konflik.

Ada pengkaji di Malaysia mengaitkan sikap terhadap bahasa dengan agama. Ini kerana mereka beranggapan faktor agama mempengaruhi sikap terhadap sesuatu bahasa. Bahasa yang dikaitkan dengan agama, seperti bahasa Arab yang merupakan bahasa untuk agama Islam dipandang tinggi oleh masyarakat yang beragama Islam. Dengan itu didapati masyarakat Islam di Malaysia bersikap positif terhadap bahasa Arab. Washima et al. (1996) melaporkan responden dalam kajian mereka mengaitkan identiti mereka sebagai Melayu Islam, dengan bahasa Arab sebagai bahasa agama dan bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda mereka. Dapatan mereka ini telah disokong oleh Asmah Hj. Omar (1995) yang mengatakan bagi orang Melayu bahasa Arab bukanlah bahasa asing. Orang Melayu lebih hormat kepada orang-orang mengetahui dan menguasai bahasa Arab dengan memanggil mereka Ustaz. Walaupun mereka mungkin hanya guru bahasa Arab sahaja, bukannya guru agama.

Asmah Hj. Omar (1992) dalam kajiannya tentang sikap pelajar Malaysia dalam mempelajari bahasa Inggeris mengatakan adanya tanggapan di kalangan masyarakat bahawa mempelajari bahasa asing atau bahasa lain akan menukar

cara pemikiran individu serta kepercayaan agama. Hafriza Meedin (1993) berpendapat kebangkitan Islam di Malaysia mungkin menyumbang kesan negatif kepada sikap pelajar Melayu terhadap bahasa Inggeris.

Walau bagaimanapun, kajian Asmah Hj. Omar (1992) mendapati kebimbangan bahasa Inggeris akan menimbulkan kesan negatif terhadap kepercayaan agama adalah begitu minimal. Dapatan ini disokong oleh kajian Washima *et al.* (1996) dalam kajian mereka terhadap pelajar di sebuah sekolah agama di Melaka. Mereka mendapati pelajar Melayu yang dikaji bersikap positif terhadap bahasa Inggeris.

Perbincangan di atas jelas menunjukkan ada beberapa faktor atau angkubah yang mempengaruhi sikap pelajar dalam mempelajari bahasa. Dalam kajian yang dijalankan ini, angkubah atau faktor yang telah dibincangkan di atas dijadikan sebagai panduan dan angkubah asas dalam membuat analisis. Walau bagaimanapun, sedikit perubahan dilakukan sesuai dengan kehendak kajian. Dalam kajian ini, hanya empat angkubah ditumpukan, iaitu jantina, bahasa ibunda, universiti dan agama.

Bahasa ibunda digunakan sebagai latar belakang bahasa. Universiti mewakili latar belakang sekolah dan tempat tinggal, kerana responden dalam kajian ini adalah pelajar universiti bukannya pelajar sekolah. Angkubah agama digunakan kerana responden yang dikaji terdiri daripada, dua golongan agama

dan bahasa Melayu didapati mempunyai hubungan yang erat dengan agama Islam di kawasan kajian. Jantina juga diambil kira kerana responden kajian ini terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan.

Walau bagaimanapun, ada beberapa angkubah yang tidak digunakan dalam kajian ini, iaitu ibu bapa, tatatingkat sosioekonomi pelajar dan bangsa kerana sebab-sebab tertentu. Kajian rintis telah dibuat terhadap responden dan didapati dari segi tatatingkat sosioekonomi, tidak terdapat perbezaan yang besar. Hal ini mungkin disebabkan pelajar yang mampu menyambung pelajaran ke peringkat universiti kebanyakannya mempunyai latar belakang ekonomi yang stabil, yakni berkemampuan. Dari segi angkubah bangsa pula, melalui kajian rintis semua pelajar mengatakan mereka berbangsa Thai. Pelajar menganggap mereka satu bangsa, maka angkubah ini tidak boleh dijadikan ukuran. Ibu bapa tidak dijadikan angkubah dalam kajian ini kerana ibu bapa telah dimasukkan sebagai sebahagian maklumat dalam soalan yang berkaitan dengan sikap dan motivasi.

2.2 Penggunaan Bahasa

Banyak kajian yang telah dibuat tentang penggunaan bahasa. Penggunaan bahasa melibatkan masyarakat dan persekitaran sosial. Ada pengkaji yang mengkaji penggunaan bahasa bagi tujuan melihat aspek penggunaan bahasa. Ada juga pengkaji yang mengkaji penggunaan bahasa bagi tujuan lain, seperti melihat

kedudukan sesuatu bahasa, sama ada berlakunya penyisihan atau pengekalan. Antara pengkaji-pengkaji tersebut adalah seperti Fishman (1964), Gumperz (1964) Greenfield (1972), Blom dan Gumperz (1972), Giles, Bourhis dan Taylor (1977), Platt (1977), Abdulaziz Mkilifi (1978), Ure (1979), Parasher (1980), Heller (1982), Wong (1987), Nor Hisham Osman (1991 dan 1999), Scotton (1993), Tan (1993), Hafriza Buranudeen Meedin (1993), Bibi Aminah Abdul Gani dan Abang Ahmad Ridzuan (1993), Li Wei (1995), Lewis (1996), Conrad Ozog (1996), Kong (1999) dan sebagainya lagi

Bagi tujuan mengkaji penggunaan bahasa, kebanyakan pengkaji telah mengukur darjah penggunaan bahasa masyarakat dari beberapa aspek, iaitu dwibahasa dan kepelbagaiannya bahasa, pemilihan bahasa, percampuran kod, domain perlakuan bahasa, penyesuaian pertuturan dan diglosia.

2.2.1 Dwibahasa dan Pelbagai Bahasa

Di dalam sesebuah negara, masyarakat yang bersifat dwibahasa atau pelbagai bahasa wujud kerana negara tersebut mempunyai pelbagai bangsa, budaya dan etnik. Apabila dikatakan sesebuah negara itu pelbagai bahasa, tidak semestinya setiap penduduk di negara tersebut boleh bertutur lebih daripada satu bahasa. Apa yang wujud ialah di dalam negara tersebut rakyatnya menuturkan lebih daripada satu bahasa, tetapi tidak semestinya setiap rakyat boleh bertutur dalam lebih daripada satu bahasa.

Dalam sesebuah negara, keadaan dwibahasa atau pelbagai bahasa boleh terjadi disebabkan berlakunya pertembungan bahasa. Pertembungan bahasa boleh menghasilkan masyarakat yang dwibahasa atau pelbagai bahasa. Pada peringkat individu pula, menurut Siguan dan Mackey (1987) seseorang itu boleh dikatakan dwibahasa apabila dia menguasai satu bahasa lain selain daripada bahasa ibundanya. Kebolehan dalam kedua-dua bahasa tersebut, yakni bahasa ibunda dan bahasa lain itu adalah pada tahap yang sama.

Dua dekad sebelum itu, Macnamara (1969) telah menggunakan istilah dwibahasa ini bagi merujuk kepada orang yang boleh bercakap, menulis, memahami atau membaca bahasa kedua walaupun pada tahap yang minimal. Ini bermakna dwibahasa juga merujuk kepada individu yang boleh berkomunikasi menggunakan dua bahasa walaupun penguasaan kedua-dua bahasa itu tidak sama tahapnya.

Muller *et al.* (1981) pula telah memberi definisi dwibahasa ini dalam penggunaan yang lebih meluas. Dwibahasa didefinisikan sebagai pilihan menggunakan dua bahasa oleh seseorang individu. Pilihan untuk menggunakan setiap bahasa tersebut mungkin secara terpisah dan dalam keadaan yang berbeza. Semasa berkomunikasi penutur yang dwibahasa akan mencampurkan kod dari satu bahasa ke bahasa yang lain. Keadaan ini menimbulkan fenomena percampuran kod.

Menurut Fasold (1984) ada empat faktor utama yang menyebabkan wujudnya negara pelbagai bahasa dan seterusnya melahirkan masyarakat atau individu yang pelbagai bahasa. Faktor-faktor tersebut adalah penghijrahan, penjajahan, persekutuan dan sempadan kawasan.

Penghijrahan boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu penghijrahan masuk sejumlah ramai satu kumpulan etnik ke satu kawasan yang diduduki oleh satu kumpulan etnik pribumi yang sedikit jumlahnya. Dalam keadaan ini, kumpulan yang berhijrah masuk itu akan menguasai kumpulan peribumi itu tadi. Keadaan ini seperti yang berlaku pada orang-orang Eropah yang berhijrah ke benua baru Amerika Utara secara besar-besaran yang telah mendominasi penduduk peribumi yang terdiri daripada puak-puak Red Indian yang jumlahnya sedikit.

Penghijrahan jenis kedua pula adalah apabila satu kumpulan etnik yang jumlahnya kecil datang ke satu kawasan yang diduduki oleh satu etnik yang jumlahnya jauh lebih besar. Keadaan ini samalah halnya seperti yang berlaku di Tanah Melayu atau Malaysia pada akhir kurun ke-19 dan awal kurun ke-20 apabila pendatang Cina dan India datang ke Tanah Melayu. Tanah Melayu pada masa itu telah sedia diduduki oleh orang-orang Melayu dan kemasukan pendatang-pendatang ini telah menyebabkan negara Malaysia sekarang ini menjadi negara pelbagai bahasa.

Faktor kedua yang menyebabkan munculnya masyarakat yang dwibahasa atau pelbagai bahasa ini adalah penjajahan. Menurut Fasold (1984) penjajahan terbahagi kepada dua jenis, penjajahan politik dan penjajahan ekonomi. Penjajahan politik berlaku apabila satu kumpulan manusia menguasai kumpulan manusia yang lain yang tinggal di satu kawasan geografi, seperti penjajahan Inggeris terhadap Tanah Melayu, yang menyebabkan bahasa Inggeris tersebar ke Tanah Melayu. Penjajahan ekonomi pula berlaku apabila pengaruh sesuatu bangsa dan negara itu masuk ke dalam negara yang lain melalui perdagangan dan bangsa atau negara ini menguasai perdagangan di negara tersebut tanpa campur tangan politik.

Faktor ketiga yang menyebabkan munculnya negara negara pelbagai bahasa adalah persekutuan. Persekutuan bermaksud penggabungan beberapa kumpulan etnik atau bangsa atau wilayah di bawah satu kuasa politik pemerintahan. Malaysia, misalnya sebuah negara hasil gabungan beberapa buah negeri yang membentuk persekutuan. Pada tahun 1963, Sabah dan Sarawak telah masuk ke dalam persekutuan Malaysia dan bahasa Melayu telah dijadikan bahasa rasmi bagi kedua-dua negeri ini selaras dengan bahasa rasmi Malaysia.

Faktor terakhir yang menyebabkan pelbagai bahasa seperti yang diutarakan oleh Fasold (1984) ialah sempadan kawasan negeri. Bagi dua negeri atau wilayah yang berlainan bahasa, sempadan penggunaan bahasa tidaklah seketar sempadan politik. Di kawasan yang berhampiran dengan sempadan politik

akan terdapat penutur bahasa A di dalam negeri B dan penutur bahasa B di dalam negeri A. Contohnya seperti di kawasan sempadan di antara Malaysia dan Thailand, terdapat komuniti berbahasa Thai di dalam sempadan Malaysia yang merupakan warganegara Malaysia.

Kesemua faktor di atas menyebabkan sesebuah negara itu menjadi pelbagai bahasa. Apabila negara menjadi pelbagai bahasa maka ramailah daripada rakyatnya yang menjadi dwibahasa atau pelbagai bahasa. Namun begitu, tidak bererti kesemua rakyat dalam negara tersebut bersifat sedemikian. Dalam konteks wilayah-wilayah di Selatan Thailand, terutamanya di empat wilayah iaitu Pattani, Yala, Narathiwat dan Satun, dari segi sejarahnya seperti yang telah dinyatakan dalam Bab 1, kawasan tersebut asalnya merupakan kawasan penutur bahasa Melayu, yakni Dialek Melayu Patani (Pattani, Yala dan Narathiwat) dan dialek Melayu Kedah (Satun). Perjanjian Inggeris-Siam 1909 telah menyatukan wilayah tersebut di bawah kuasa politik Siam atau kerajaan Thailand. Maka dengan itu masyarakat Melayu Islam di kawasan tersebut telah menerima bahasa Thai sebagai bahasa rasmi negara dan bahasa pengantar pendidikan sejak tarikh tersebut. Keadaan ini menyebabkan majoriti masyarakat, terutamanya yang beragama Islam di kawasan tersebut dwibahasa.

Bagi masyarakat atau individu yang dwibahasa ini, untuk berhubung mereka terpaksa membuat pemilihan bahasa yang mana yang patut digunakan dalam sesuatu domain.

2.2.2 Pemilihan Bahasa

Pemilihan bahasa boleh terjadi apabila seseorang itu atau masyarakat bahasa itu menguasai lebih daripada satu bahasa, yakni masyarakat tersebut bersifat dwibahasa atau pelbagai bahasa. Individu atau masyarakat akan membuat pemilihan bahasa kerana berbagai-bagai sebab dan tujuan. Menurut Coulmas,

“Individuals and groups choose words, registers, styles and languages to suit their various needs concerning the communication of ideas, the association with and separation from others, the establishment or defence of dominance. Although it is obvious that people are endowed with the ability to adjust their linguistic reportories to ever new circumstances, languages are for certain purposes constructed as if they were a matter of destiny, an autonomous power quite beyond the control of their speakers, both as individuals and groups.”

(Coulmas, 1997:31)

Pemilihan bahasa ini boleh dibahagikan kepada beberapa bentuk berdasarkan bahasa itu sendiri atau berdasarkan domain. Berdasarkan bahasa itu sendiri, terdapat dua jenis pemilihan bahasa, yang pertama, seseorang yang mengetahui lebih daripada satu bahasa dan memilih untuk menggunakan salah satu bahasa secara keseluruhan, dan yang kedua pula, seseorang itu memilih salah satu bahasa tetapi menggunakan juga unsur daripada bahasa yang lagi satu, yang menyebabkan berlakunya fenomena percampuran kod. Berdasarkan domain pula, seseorang itu memilih satu bahasa untuk digunakan dalam satu domain dan dalam

domain yang lain penutur tersebut memilih untuk menggunakan bahasa yang lain pula.

Ada beberapa faktor yang menyebabkan penutur membuat pemilihan semasa menggunakan bahasa. Faktor pertama yang menyebabkan pemilihan adalah domain, iaitu pemilihan bahasa terjadi disebabkan oleh tempat, tajuk dan peserta. Komuniti dwibahasa akan memilih bahasa berdasarkan domain-domain yang telah dibentuk. Pengkaji yang mempelopori kaedah ini ialah Fishman (1964) yang menggunakannya untuk mengkaji pemeliharaan dan penyisihan bahasa berdasarkan maklumat pemilihan bahasa. Kaedah ini kemudiannya telah digunakan oleh beberapa orang pengkaji lain seperti Greenfield (1972) yang mengkaji bentuk pemilihan bahasa komuniti Puerto Rico di Amerika Syarikat, Parasher (1980) yang mengkaji pemilihan bahasa di India, serta pengkaji-pengkaji lain.

Greenfield (1972) telah melakukan kajian pemilihan bahasa dengan menggunakan analisis domain berdasarkan tiga faktor iaitu tempat, tajuk dan peserta. Beliau telah melakukan kajian pemilihan bahasa Sepanyol atau bahasa Inggeris di kalangan masyarakat Puerto Rico di New York. Hasil daripada kajian menunjukkan masyarakat Puerto Rico ini membuat pemilihan bahasa bergantung kepada domain. Dalam domain pekerjaan, pendidikan dan keagamaan bahasa Inggeris dipilih sebagai bahasa perhubungan, manakala bahasa Sepanyol pula dipilih dalam domain persahabatan dan kekeluargaan. Ini bermakna masyarakat

ini memilih untuk menggunakan bahasa Inggeris dalam domain status, manakala bahasa Sepanyol digunakan dalam domain mesra. Ini memperlihatkan bahasa Inggeris sebagai bahasa tinggi dan bahasa Sepanyol pula dianggap sebagai bahasa rendah.

Parasher (1980) telah mengkaji pemilihan bahasa di kalangan golongan terpelajar India. Beliau mendapati golongan terpelajar India menggunakan bahasa Inggeris dalam semua domain, sama ada dalam domain tinggi maupun domain rendah. Penggunaan bahasa ibunda hanya terhad dalam domain kekeluargaan sahaja. Golongan terpelajar India ini tidak menggunakan bahasa ibunda, sebaliknya bahasa Inggeris dalam domain kejiran dan persahabatan. Faktor utama pemilihan bahasa dalam kedua-dua domain ini adalah penguasaan bahasa interlokutor. Jika interlokutor tersebut tidak boleh berbahasa Inggeris, maka mereka akan menggunakan bahasa Hindi. Jika interlokutor tersebut boleh berbahasa Inggeris, maka bahasa Inggeris akan digunakan.

Daripada dapatan kajian, Parasher membuat kesimpulan bahawa bahasa yang banyak dipilih adalah bahasa Inggeris, diikuti oleh bahasa Hindu dan yang terakhir bahasa ibunda. Bahasa Inggeris digunakan dalam semua domain, manakala bahasa Hindi digunakan dalam domain rendah apabila interlokutor tidak boleh berbahasa Inggeris.

Daripada kajian-kajian yang telah dijalankan didapati sesuatu bahasa itu digunakan dalam sesuatu domain. Kajian Ure (1979) telah membuktikan kenyataan ini. Beliau telah melakukan kajian tentang pemilihan bahasa dalam negara yang multilingual, iaitu penggunaan bahasa di kalangan guru-guru sekolah rendah di Ghana dalam domain pendidikan. Semua guru sekolah rendah di Ghana mempunyai pengetahuan sekurang-kurangnya dua bahasa, iaitu bahasa ibunda mereka seperti bahasa Akan, Ewe, Ga, Efutu dan Inggeris. Melalui kajian ini, didapati bahawa bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa pengantar di dalam kelas. Di samping itu, bahasa Inggeris juga digunakan apabila mengajar murid-murid dalam hal yang berkaitan dengan keagamaan. Bahasa Akan digunakan dalam menyampaikan cerita dan dalam kelas drama. Bahasa Efutu digunakan untuk menasihati pelajar-pelajar yang ponteng supaya datang semula ke sekolah.

Nor Hisham Osman (1994) juga telah membuat kajian terhadap pemilihan bahasa. Kajian beliau menunjukkan sesuatu bahasa itu digunakan dalam sesuatu domain. Nor Hisham Osman telah melihat pemilihan bahasa dalam tujuh domain (dalam kajian ini perkataan ‘mandala’ digunakan bagi merujuk kepada domain). Hasil dapatan menunjukkan bahawa setiap penduduk di kawasan kajian terpaksa membuat pemilihan terhadap bahasa yang dikuasainya untuk bertutur agar dapat disesuaikan dengan sesuatu domain.

Faktor lain yang menyebabkan pemilihan bahasa adalah situasi yang bertindan. Herman (1968) telah melakukan penyelidikan pemilihan bahasa yang

menggunakan pendekatan psikologi dan beliau mendapati pemilihan bahasa adalah disebabkan oleh adanya situasi yang bertindan. Dalam komunikasi dwibahasa, anggota komuniti akan memilih salah satu bahasa berdasarkan keadaan tertentu. Pemilihan bahasa mana yang patut digunakan adalah ditentukan oleh (1) keperluan individu, (2) situasi terdekat iaitu situasi ketika perbualan dan (3) situasi yang menjadi latar belakang perbualan. Perkara yang pertama berkait dengan urusan peribadi, manakala yang kedua itu berkait dengan kelompok sosial. Perkara yang ketiga pula adalah situasi yang boleh bertindan pada ketika berlakunya interaksi lisan.

Hafriza Buranudeen Meedin (1993) yang mengkaji tentang penggunaan bahasa dan sikap orang Melayu Malaysia telah merumuskan lima faktor pemilihan bahasa, iaitu bahasa pengantar persekolahan, umur, pekerjaan, jangka waktu pendedahan kepada sesuatu bahasa dan kumpulan etnik. Responden yang mendapat pendidikan Inggeris akan cenderung untuk menggunakan bahasa Inggeris, manakala responden yang mendapat pendidikan aliran Melayu cenderung untuk menggunakan bahasa Melayu. Hal ini mempunyai hubung kait yang rapat dengan faktor umur dan karjaya atau jawatan yang disandang. Responden yang berumur lebih daripada 35 tahun dan golongan profesional akan memilih sama ada untuk menggunakan bahasa Inggeris atau bahasa Melayu mengikut domain. Manakala responden yang berumur di antara 16 hingga 19 cenderung memilih untuk menggunakan bahasa Melayu. Jangka waktu pendedahan kepada sesuatu bahasa juga amat mempengaruhi pemilihan bahasa

responden. Responden yang terdedah kepada penggunaan bahasa Inggeris seperti golongan profesional, akan cenderung untuk menggunakan bahasa Inggeris. Kumpulan etnik interlokutor juga merupakan faktor yang menentukan pemilihan bahasa. Sekiranya interlokutor itu dari kelompok bukan Melayu, responden cenderung untuk menggunakan bahasa Inggeris apabila berhubung.

Kedudukan sosioekonomi juga mempengaruhi pemilihan bahasa. Tan (1993) telah membuat kajian tentang pemilihan bahasa untuk menentukan adakah kedudukan sosioekonomi, tempat dan jantina mempengaruhi pemilihan bahasa pembantu kedai apabila berinteraksi dengan pelanggan. Beliau telah melakukan kajiannya kepada dua jenis perniagaan yang berbeza, iaitu kedai perabot dan butik pakaian di dua kawasan yang berbeza. Kawasan yang pertama ialah kedai perabot dan butik pakaian di kawasan yang selalu dikunjungi oleh pelanggan dari kelas atasan. Kawasan yang satu lagi ialah kedai di kawasan perumahan yang mewakili kawasan yang selalu dikunjungi oleh pelanggan dari kelas pertengahan dan bawahan. Hasil daripada kajian, beliau mendapati kedudukan sosioekonomi pelanggan dan tempat memang mempengaruhi pemilihan bahasa pembantu kedai apabila berhubung. Pembantu kedai di kawasan yang selalu dikunjungi oleh pelanggan dari kelas atasan berkecenderungan menggunakan bahasa Inggeris apabila berdepan dengan pelanggan yang mempunyai kedudukan sosioekonomi yang tinggi. Sebaliknya pembantu kedai di kawasan yang selalu dikunjungi oleh pelanggan dari kelas pertengahan dan bawahan, memilih untuk menggunakan

bahasa Mandrin, Hokkien, Teochew dan Kantonis apabila berkomunikasi dengan pelanggan.

Kajian Kong (1999) pula menunjukkan selain daripada faktor yang telah dinyatakan tadi, ada faktor lain yang turut mempengaruhi pemilihan bahasa. Kong telah mengkaji pemilihan bahasa di kalangan peniaga Cina dalam domain jual beli. Tujuan utama kajiannya adalah untuk mengenal pasti faktor yang mempengaruhi golongan peniaga memilih bahasa tertentu dalam menjalankan urus niaga harian mereka. Hasil daripada kajian yang dijalankan Kong mendapati enam faktor pemilihan bahasa, iaitu psikologi seperti kebiasaan dan kespontanan; bahasa ibunda pelanggan, pembekal dan peniaga; status sesuatu bahasa yang menjadi sebagai lingua franca bagi orang Cina (Mandarin); latar belakang bahasa, pelanggan, pembekal dan peniaga; hubungan peribadi peniaga dan pelanggan dan rupa fizikal pelanggan.

Lambert (1967) telah melihat dwibahasa dari sudut sosiopsikologi. Menurut beliau, pemilihan bahasa dalam komuniti berorientasikan instrumental dan integratif. Lambert berpendapat sikap penutur terhadap bahasa yang dipelajarinya mempengaruhi kejayaan mempelajari bahasa tersebut. Dalam mempelajari bahasa dengan motivasi instrumental, bahasa tersebut dianggap sebagai alat untuk mencapai sesuatu. Pencapaian linguistik mempunyai nilai yang tinggi seperti untuk lulus peperiksaan, untuk mendapat pekerjaan yang baik, meningkat dalam pekerjaan seperti naik pangkat serta gaji dan sebagainya.

Motivasi integratif pula adalah apabila seseorang itu mempelajari bahasa sesuatu komuniti yang lain dengan tujuan untuk mendalamai kebudayaan komuniti tersebut. Untuk mempelajari kebudayaan komuniti atau kumpulan sosial yang lain, seseorang itu harus mampu menerima beberapa perlakuan kumpulan sosial tersebut yang merupakan ciri ahli kumpulan sosial tersebut. Perlakuan ini termasuklah perlakuan bahasa mereka. Seseorang itu mempunyai sikap yang begitu positif terhadap bahasa dan budaya yang baru dipelajarinya, seolah-olah ingin menjadi anggota komuniti atau kumpulan sosial tersebut.

Pemilihan bahasa juga disebabkan oleh faktor penyesuaian. Giles (1977) telah mengkaji pemilihan bahasa menggunakan Teori Penyesuaian (*accommodation theory*). Menurut beliau, penutur yang dwibahasa akan menyesuaikan bahasanya dengan orang yang dilawan bercakap. Namun begitu, penyesuaian tidaklah berlaku setiap masa. Pihak yang menyesuaikan bahasa dengan orang yang dilawan bercakap adalah golongan yang kurang dominan, manakala kumpulan yang dominan akan mempertahankan bahasa dan kelainan mereka.

Kedominan sesuatu bahasa itu disebabkan oleh dua faktor utama, iaitu bilangan penutur dan status (Nor Hisham Osman 1994). Bahasa yang lebih ramai penuturnya serta merupakan golongan majoriti merupakan bahasa yang dominan. Bahasa yang digunakan oleh orang yang berstatus tinggi (walaupun jumlah penuturnya sedikit) juga merupakan bahasa yang dominan kerana bahasa tersebut

merupakan simbol prestij. Golongan yang berstatus rendah akan cuba menyesuaikan pertuturnya apabila bercakap dengan golongan yang berstatus lebih tinggi.

Kajian Heller (1982) telah menyokong dapatan Giles (1977) tersebut. Heller telah melakukan kajian pemilihan bahasa penduduk di Montreal Quebec. Dari segi latar belakang, Quebec merupakan bekas tanah jajahan Perancis. Pada tahun 1763, British telah menang dalam Perang Tujuh Tahun. Jesteru itu, Quebec telah jatuh ke tangan British. Di Montreal Barat, bahasa utamanya adalah bahasa Inggeris, manakala di Montreal Timur bahasa yang digunakan adalah bahasa Perancis. Disebabkan pengasingan geografi maka wujud sekolah Inggeris dan Perancis, hospital Inggeris dan Perancis serta kedai-kedai yang dimiliki oleh orang Inggeris dan Perancis.

Heller telah membuat kajiannya di sebuah hospital Inggeris, yang kebanyakannya pesakit di hospital ini terdiri daripada penutur bahasa Perancis yang tidak fasih bahasa Inggeris. Majoriti doktor di hospital ini pula penutur bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, kerani di hospital ini adalah bilingual, iaitu mereka fasih berbahasa Inggeris dan Perancis. Didapati kerani akan menggunakan satu strategi apabila berhubung untuk mengenal pasti kelainan bahasa yang dituturkan, iaitu menggunakan kelainan bahasa Perancis dan Inggeris untuk menegur sapa pesakit. Melalui jawapan yang diberi oleh pesakit, kerani

seterusnya akan memilih bahasa yang dipilih oleh pesakit untuk berkomunikasi dengan pesakit.

Rangkaian sosial (*sosial Networks*) juga merupakan faktor pemilihan bahasa. Gal (1979) telah melihat pemilihan bahasa berdasarkan rangkaian sosial ini dalam kajian beliau terhadap komuniti Oberwart yang dwibahasa di Austria. Dalam kajian ini, beliau mendapati umur dan status sosial penutur dan orang yang dilawan bertutur memainkan peranan yang penting dalam memilih bahasa yang mana patut digunakan dalam sesuatu perbualan.

Pemilihan bahasa juga berlaku disebabkan oleh dasar kerajaan. Kajian yang dibuat oleh Asmah Hj. Omar (1992) dan Conrad Ozog (1996) telah membuktikan perkara ini. Asmah telah membuat kajian terhadap komuniti pelbagai bahasa di Kuala Lumpur. Beliau mendapati penduduk bandar raya ini adalah bersifat pelbagai bahasa. Bahasa Melayu digunakan dalam situasi rasmi selaras dengan dasar kerajaan yang meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan. Komuniti pelbagai bahasa di Kuala Lumpur dapat menguasai bahasa Melayu melalui pendidikan secara formal di sekolah. Bahasa Melayu mula diajar dan digunakan sebagai bahasa pengantar di sekolah sejak Pelaksanaan Laporan Rahman Talib 1960. Pada tahun 1971 pula, Dasar Pelajaran Kebangsaan telah dilaksanakan dan dengan itu semua sekolah Inggeris menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Manakala sekolah Cina dan Tamil pula diwajibkan mengajar bahasa Melayu sebagai mata pelajaran.

Di samping pelaksanaan penggunaan bahasa Melayu, bahasa ibunda tidak dilupakan. Terdapat sekolah-sekolah jenis kebangsaan yang menggunakan bahasa ibunda dan di sekolah kebangsaan pula, bahasa ibunda diajar jika ada pelajar yang memohon untuk mengambil mata pelajaran bahasa ibunda. Bahasa Inggeris pula diajar sebagai mata pelajaran wajib. Keadaan ini menyebabkan komuniti menjadi pelbagai bahasa dan pemilihan bahasa mana yang patut digunakan bergantung juga pada dasar kerajaan.

Kajian Conrad Ozog (1996) juga menunjukkan dasar kerajaan merupakan faktor pemilihan bahasa. Conrad Ozog telah mengkaji penggunaan bahasa Inggeris di kalangan masyarakat peringkat umur 18 tahun hingga 66 tahun di Negara Brunei Darussalam. Dari segi latar belakang bahasa di negara ini, bahasa Melayu telah dipilih sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi tunggal negara setelah merdeka. Walau bagaimanapun, sejak tahun 1985 kerajaan telah menetapkan dasar dwibahasa dengan pelajar dari darjah empat ke atas diajar dalam bahasa Inggeris dalam kebanyakan subjek, kecuali bagi subjek sejarah, seni, agama Islam, bahasa Melayu, sastera dan jasmani. Dengan lain perkataan bahasa Melayu diajar untuk identiti budaya dan keagamaan, manakala bahasa Inggeris berfungsi untuk berhubung dengan dunia luar.

Dapatan kajian menunjukkan penggunaan bahasa Inggeris telah semakin meningkat di kalangan masyarakat yang telah mendapat pendidikan selepas dasar dwibahasa diperkenalkan. Golongan masyarakat yang berumur 35 tahun ke bawah

lebih cenderung memilih untuk menggunakan bahasa Inggeris apabila berhubung terutamanya dalam domain pekerjaan, supermarket, sektor swasta dan kerajaan. Dengan itu Conrad Ozog telah menyimpulkan penggunaan bahasa Inggeris semakin meluas di Negara Brunei Darussalam, walaupun ia bukan bahasa kebangsaan. Penghasilan masyarakat yang dwibahasa kesan daripada dasar kerajaan melalui sistem pendidikan telah menggalakkan peningkatan ini.

Selain daripada faktor dasar kerajaan, Asmah Hj. Omar (1992) juga menyatakan pemilihan bahasa dalam komuniti pelbagai bahasa didorong oleh faktor keselesaan. Dalam kajian beliau terhadap tipologi status dan peranan bahasa Inggeris di Malaysia, beliau mendapati faktor keselesaan ini merupakan faktor utama dalam pemilihan bahasa. Bahasa Malaysia merupakan bahasa rasmi di Malaysia tetapi bahasa Inggeris tetap digunakan dalam urusan rasmi seperti dalam mesyuarat jawatankuasa di jabatan kerajaan. Minit mensyuarat ditulis dalam bahasa Malaysia tetapi pengendalian mesyuarat selalunya dalam bentuk dwibahasa. Bahasa Inggeris digunakan dalam konteks ini adalah disebabkan oleh keselesaan penuturnya kerana bahasa Inggeris kurang mempunyai halangan sosiolinguistik berbanding bahasa Malaysia yang banyak halangan sosiolinguistik, terutamanya dalam kata sapaan.

Keselesaan pegawai tinggi kerajaan juga disebabkan oleh faktor latar belakang pendidikan. Mereka ini kebanyakannya berpendidikan Inggeris dan dengan itu mereka lebih selesa menggunakan bahasa Inggeris dalam situasi

formal kerana sudah menjadi kebiasaan semasa bersekolah dan ketika menuntut di institusi pengajian tinggi. Dapatan ini seiring dengan dapatan Norizah Ardi (1992) yang mengkaji sikap terhadap pemilihan dan penggunaan bahasa di kalangan pekerja Dewan Bahasa dan Pustaka. Beliau mendapati latar belakang pendidikan dan kedudukan dalam tatatingkat sosial mempengaruhi pemilihan bahasa. Pekerja dari kumpulan A, yakni kakitangan profesional yang mendapat pendidikan tinggi memilih untuk menggunakan bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris secara tukar ganti kod dalam situasi rasmi dan cenderung untuk menggunakan bahasa Inggeris ketika berhubung, berbanding dengan pekerja daripada kumpulan C & D yang memilih untuk menggunakan bahasa Melayu dalam semua urusan. Pekerja kumpulan C& D ini rata-rata mendapat pendidikan setakat tingkatan lima dan dalam aliran Melayu.

Secara keseluruhan, berdasarkan kajian-kajian yang telah dijalankan oleh beberapa pengkaji sebelum ini, faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan bahasa di kalangan komuniti dwibahasa dan pelbagai bahasa adalah domain, faktor psikologi (seperti situasi bertindan, motivasi instrumental dan integratif, kebiasaan, keselesaan), kedudukan socioekonomi, latar belakang pendidikan, dasar kerajaan, penyesuaian, rangkaian sosial seperti umur dan tatatingkat sosial.

2.2.3 Percampuran Kod

Percampuran kod merupakan fenomena yang boleh terjadi dalam masyarakat yang bersifat dwibahasa atau pelbagai bahasa. Namun ada kalanya, fenomena ini juga terjadi dalam masyarakat yang monolingual. Asmah Hj. Omar (1982) mengatakan bahawa, percampuran kod adalah fenomena yang menggambarkan perubahan daripada satu kod kepada kod yang lain dalam perbualan seseorang penutur dalam situasi tertentu. Dalam masyarakat yang bersifat dwibahasa atau pelbagai bahasa fenomena ini berlaku apabila masyarakat penutur itu menguasai dua atau lebih bahasa.

Ramai pengkaji dan ahli linguistik lain yang telah memberi definisi atau pandangan tentang maksud percampuran kod. Scotton dan Ury (1977) misalnya, mengatakan percampuran kod bererti penggunaan dua ragam linguistik atau lebih dalam perbualan atau interaksi yang sama. Percampuran itu mungkin hanya melibatkan satu patah perkataan atau pertuturan dalam beberapa minit sahaja.

Valdes-Fallis (1978) pula mendefinisikan percampuran kod sebagai penggunaan dua bahasa berselang-seli dalam peringkat perkataan, frasa, klausu atau ayat. Menurut beliau, percampuran kod ini dapat dikesan dengan melihat pemisahan yang jelas di antara fonemik yang memperlihatkan ciri-ciri fonologi dan morfologi bahasa lain.

Berikut adalah contoh percampuran kod, yakni penggunaan bahasa yang bercampur atau berselang seli dalam peringkat perkataan, frasa, klaus dan ayat:

- Contoh :
- A: *Hi, how are you?* Lama tak jumpa.
- B: *Fine.* Ya lah, *I think more than two years* kita tak jumpa kan.
- A: *I heard you* dah kahwin. Betul ke?
- B: *Ya, last year.* Sorry le tak jemput you. *I lost your address and your phone number.*
- A: *It is okay.* I pun tak ada di sini. *I pergi short course* di *France*.
- B: *Really.* Berapa lama?
- A: Tak lama. *Six months* je. *Company* hantar.
- B: Ya ke. Seronoknya *you*!

Menurut Nababan (1993), fenomena percampuran kod ini berlaku bergantung kepada keadaan atau keperluan berbahasa itu. Umpamanya, sewaktu kita berbahasa A dengan si P, tiba-tiba datang pula si Q yang tidak dapat berbahasa A atau kurang menguasai bahasa A menyertai perbualan. Oleh sebab kita ingin menerima Q menyertai perbualan kita, maka kita beralih menggunakan bahasa B yang lebih dikuasai atau difahami oleh Q. Maka terjadilah percampuran kod

Percampuran kod boleh dibahagikan kepada beberapa jenis. Bloom dan Gumpers (1972) mengatakan terdapat dua jenis percampuran kod, iaitu percampuran kod metafora dan percampuran kod situasi. Namun Wong (1987) mengatakan terdapat tiga jenis penukaran kod, iaitu percampuran kod metafora, percampuran kod situasi dan percampuran kod wacana.

Blom dan Gumperz (1972) menerusi kajian mereka terhadap penduduk Hemesberget di Norway membahagikan percampuran kod kepada dua jenis, iaitu percampuran kod metafora (*metaphorical code-switching*) dan percampuran kod situasi (*situational code-switching*). Menurut Blom dan Gumperz, percampuran kod metafora adalah percampuran kod yang berlaku disebabkan oleh perubahan topik perbualan, manakala percampuran kod situasi berlaku disebabkan oleh perubahan situasi sosial penutur.

Penduduk Hemesberget di Norway menggunakan dua bahasa, iaitu bahasa Standard (Bahasa Bokmal) dan dialek tempatan yang dikenali sebagai Ranamal. Bahasa Ranamal atau dialek tempatan melambangkan identiti tempatan Hemesberget yang dipelajari daripada keluarga. Sementara Bahasa Bokmal merupakan bahasa rasmi yang digunakan dalam hal yang berkaitan dengan pendidikan rasmi, agama dan media massa. Selepas menganalisis data yang dirakam, Blom dan Gumperz menyimpulkan bahawa penduduk-penduduk di Hemesberget akan menggunakan dialek tempatan kecuali di dalam situasi untuk menghormati interlokutor dan berdasarkan topik yang diperbincangkan. Keadaan

ini dilihat melalui rakaman yang dibuat di sebuah pejabat pentadbiran. Aspek topik akan menyebabkan penutur beralih daripada menggunakan bahasa standard kepada dialek. Walaupun bahasa standard (Bokmal) lazim digunakan di pejabat, namun kerani akan beralih menggunakan dialek bergantung kepada topik. Sebagai contoh, apabila penduduk yang berinteraksi dengan kerani berbincang tentang masalah keluarga, mereka akan bertukar menggunakan dialek Ranamal, tetapi apabila menyentuh tentang hal-hal pentadbiran atau urusan rasmi mereka akan beralih menggunakan bahasa standard (Bokmal).

Walaupun penduduk tempatan cenderung menggunakan dialek, namun didapati mereka menukar kod dari dialek ke bahasa standard dalam situasi yang bersifat rasmi yang menunjukkan kepakaran seseorang dalam sesuatu ilmu, dan yang bersifat kesopanan, iaitu apabila berhadapan dengan orang luar. Di sekolah pula, semasa menyampaikan pengajaran guru menggunakan bahasa standard tetapi apabila ingin menggalakkan perbincangan terbuka di kalangan pelajar, mereka akan beralih menggunakan kod bahasa Ranamal (dialek tempatan). Inilah yang dimaksudkan percampuran kod berdasarkan situasi.

Wong (1987) pula yang telah menggunakan istilah penukaran kod untuk maksud percampuran kod, mengatakan pada umumnya terdapat tiga jenis percampuran kod, iaitu, penukaran kod metafora, penukaran kod situasi dan penukaran kod wacana. Penukaran kod metafora adalah suatu ragam yang biasanya digunakan hanya untuk satu jenis situasi. Penukaran kod jenis ini

digunakan juga dalam situasi yang berbeza kerana topiknya adalah yang lazimnya muncul pada jenis situasi yang pertama. Penukaran kod situasi (disebut juga sebagai diglosia dalam erti kata umum) berlaku disebabkan faktor situasi yakni perubahan situasi. Ragam-ragam yang khusus digunakan berdasarkan jenis situasi atau latar tertentu (seperti di rumah, di sekolah, di tempat kerja) dan jenis aktiviti yang berbeza (seperti perundingan, formal, upacara khas dan sebagainya) atau bergantung kepada kumpulan penutur yang berbeza (seperti rakan-rakan, ahli keluarga, pegawai kerajaan, orang yang tidak dikenali dan sebagainya). Penukaran kod wacana pula merupakan suatu jenis penukaran kod yang lebih menarik kerana seseorang penutur mungkin menukar kod di dalam ayat dan penukaran kod itu berlaku beberapa kali. Menurut Gumperz (1977 dalam Wong 1987), "Penukaran Kod Wacana adalah lekatan petikan pertuturan yang dimiliki oleh dua sistem atau subsistem tatabahasa yang berbeza dalam perbualan yang sama."

Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi atau menentukan percampuran kod. Blom dan Gumperz (1972) mengatakan situasi, topik dan interlokutor merupakan faktor-faktor yang menentukan percampuran kod. Valdes-Fallis (1978) juga bersetuju yang ketiga-tiga faktor tersebut menentukan percampuran kod, di samping satu faktor lain, iaitu keinginan mewujudkan unsur stilistik. Wong (1987) mendapati selain daripada faktor yang dinyatakan oleh Blom dan Gumperz tersebut, jantina, taraf pendidikan, psikologi dan bangsa penyelidik juga merupakan faktor yang berkaitan. Li Wei (1995) membuat

rumusan latar belakang pendidikan, pendedahan terhadap bahasa dan latar belakang interlokutor amat mempengaruhi penutur.

Valdes-Fallis (1978) mengatakan percampuran kod dikenal pasti dapat memberi maklumat tentang keadaan sosial sesuatu masyarakat. Sesuatu bahasa itu dikatakan berperanan dan digunakan dalam suasana tertentu. Adalah menjadi satu kebiasaan bagi masyarakat dwibahasa menggunakan dua bahasa dalam domain dan tempat yang berlainan. Apabila ini berlaku, bahasa tertentu akan memainkan peranan tertentu misalnya, Bahasa Inggeris untuk guru, majikan, polis dan bahasa Sepanyol untuk orang yang berumur. Sesuatu bahasa itu akan digunakan untuk topik tentu dan di tempat-tempat tertentu.

Unsur stilistik yang dikatakan oleh Valdes-Fallis (1978) itu, wujud bergantung kepada peribadi seseorang penutur yang hendak menggunakan satu bahasa atau dua bahasa asalkan situasi sosial membenarkan salah satu kod atau percampuran kod digunakan. Penukaran kod yang berfungsi sebagai unsur stilistik ini digunakan sebagai kehendak retorik seseorang untuk mewarnai ujaran, memberi penegasan perbandingan dan mencipta makna yang bersifat puitis. Percampuran kod secara stilistik ini juga berlaku kerana ingin menyampaikan makna dengan tepat, seperti contoh berikut:

Contoh 1: Penggunaan item yang sama dalam dua bahasa.

(Mengulang maksud yang sama dalam dua bahasa)

Me tome toda la cafetera, the whole coffee pot

(*I drank the whole coffee pot, the whole coffee pot*)

Contoh 2: Penggunaan item di dalam satu bahasa bagi tujuan penegasan berdasarkan konteks etnik.

The chihana has got to know that her familia (family) comes first.

(Valdes-Fallis, 1978:10)

Gan (2000) berpendapat percampuran kod stilistik seperti contoh di atas wujud bukan kerana penutur kekurangan persamaan perkataan dalam bahasanya tetapi disebabkan untuk menyampaikan makna yang tepat. Menurut beliau, percampuran kod jenis ini berlaku apabila:

- i. Semua penutur adalah dwibahasa, dan
- ii. Apabila situasi sosial membenarkan mereka menggunakan salah satu kod atau kedua-dua kod.

Scotton (1993) pula telah menghasilkan model percampuran kod berpenanda (*marked*) dan percampuran kod tidak berpenanda (*unmarked*). Percampuran kod tidak berpenanda menunjukkan tingkah laku kelompok, sementara percampuran kod berpenanda melambangkan alat gaya yang dimiliki oleh penutur dwibahasa untuk melambangkan perasaannya terhadap interlokutor.

Percampuran kod tidak berpenanda berlaku apabila dua kod bahasa digunakan secara lazim semasa bersosial. Menurut Scotton, ramai orang yang berpendidikan dari kumpulan etnik Kenya dan Zimbabwe menggunakan secara pilihan di antara bahasa pertama mereka dan bahasa Inggeris dalam kebanyakan perbualan dalam kumpulan yang berasal dari status atau umur yang sama. Penutur mengharapkan dengan percampuran kod dapat menguatkan identiti bangsa Afrika atau identitinya. Percampuran kod jenis ini berbeza dengan percampuran kod lain kerana situasi terjadinya percampuran kod tidak berpenanda ini adalah terhad. Bentuk penggunaan bahasa seperti ini biasanya berlaku di kalangan dwibahasa dalam perbincangan kumpulan. Penutur melakukan percampuran kod untuk menunjukkan perbezaan identiti dan hanya berlaku dalam kumpulan yang hendak menonjolkan diri.

Percampuran kod boleh terjadi di kalangan masyarakat majoriti dan masyarakat minoriti asalkan masyarakat tersebut mengetahui lebih daripada satu bahasa. Wong (1987) telah menjalankan kajian tentang percampuran kod di kalangan penduduk Kampung Kerinchi, Kuala Lumpur. Majoriti penduduk di kawasan tersebut terdiri daripada masyarakat Melayu dan responden dalam kajian ini terdiri daripada lima kumpulan, iaitu buruh kasar lelaki, buruh kasar perempuan, bukan buruh kasar lelaki, bukan buruh kasar perempuan dan suri rumah. Beliau mendapati percampuran kod kelihatannya berlaku tanpa kesedaran penutur-penutur tersebut, tapi pada masa-masa tertentu penutur mungkin sengaja menukar kod dari bahasa Melayu ke bahasa Inggeris untuk mencapai tujuan

tertentu. Fenomena percampuran kod di kalangan penutur Melayu ini terjadi hasil interaksi di antara beberapa faktor seperti topik perbincangan, strategi lisan, kemampuan bahasa dan lain-lain lagi. Menurut Wong, oleh sebab pengkaji bukan berbangsa Melayu, mungkin penutur mengandaikan penggunaan bahasa Malaysia sahaja untuk berbual dengan bangsa lain adalah kurang sopan. Penggunaan bahasa Inggeris mungkin membawa konotasi bahawa mereka bersifat mesra, memandangkan di Malaysia soal perpaduan kaum sering ditekankan.

Dalam pertuturan masyarakat minoriti percampuran kod merupakan satu fenomena biasa di mana-mana negara. Ini kerana masyarakat minoriti dalam sesebuah negara rata-rata bersifat dwibahasa. Mereka mempunyai bahasa ibundanya sendiri dan menguasai juga satu bahasa lain, iaitu bahasa kebangsaan atau bahasa rasmi negara yang digunakan dalam sistem pentadbiran dan pendidikan.

Sehubungan itu, Li Wei (1995) telah mengkaji percampuran kod dalam perbualan generasi bersilang yang dwibahasa di kalangan komuniti Cina Tyneside di Britain. Pemerhatian dibuat dalam perbualan tiga generasi, iaitu generasi pertama (datuk nenek) yang berhijrah ke kawasan timur laut England, generasi kedua (ibu bapa) dan generasi ketiga (kanak-kanak). Generasi kedua dan generasi ketiga ini lahir di kawasan tersebut dan mendapat pendidikan formal negara tersebut. Dapatan kajian beliau menunjukkan pemilihan penggunaan bahasa ketiga-tiga generasi itu adalah sangat berbeza. Generasi pertama, iaitu datuk dan

neneh lebih suka bertutur dalam bahasa Cina, sama ada dengan rakan sebaya mereka, generasi kedua dan generasi ketiga. Generasi kedua pula (ibu bapa) akan memilih bahasa Cina untuk bertutur dengan generasi pertama dan memilih untuk menggunakan bahasa Cina dan bahasa Inggeris secara percampuran kod apabila bertutur di kalangan generasi kedua dan generasi ketiga. Kanak-kanak atau generasi ketiga pula memilih untuk menggunakan bahasa Cina dan bahasa Inggeris secara percampuran kod apabila bertutur dengan datuk nenek dan ibu bapa. Kanak-kanak didapati juga akan menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya apabila bertutur dengan generasi ketiga, yakni rakan sebaya mereka. Kebanyakan generasi kedua dan rata-rata generasi ketiga dilahirkan di England, telah mendapat pendidikan Inggeris sejak sekolah rendah dan didedahkan dengan bahasa ibunda (bahasa Cina) ketika di rumah.

Kajian Le Wei jelas dilihat percampuran kod merupakan satu ciri pemilihan dan penggunaan bahasa di dalam masyarakat minoriti di sesebuah negara. Latar belakang pendidikan dan pendedahan terhadap bahasa dan latar belakang interlokutor amat mempengaruhi penggunaan bahasa penutur.

Daripada perbincangan di atas, jelas menunjukkan masyarakat atau individu yang dwibahasa berkecenderungan untuk melakukan percampuran kod. Terdapat tiga jenis percampuran kod dan ada beberapa faktor yang mempengaruhi dan menentukan percampuran kod. Faktor tersebut adalah situasi, topik dan interlokutor. Di samping itu, latar belakang penutur dan interlokutor seperti

jantina, taraf dan latar bekang pendidikan, pendedahan terhadap bahasa, psikologi dan bangsa merupakan faktor lain yang juga turut mempengaruhi berlakunya fenomena percampuran kod ini.

Dalam kajian ini pula, percampuran kod merupakan salah satu bentuk penggunaan bahasa pelajar.

2.2.4 Domain Perlakuan Bahasa

Domain ialah situasi yang terbentuk daripada beberapa gagasan seperti tempat berlakunya komunikasi, hubungan di antara peserta dalam sesuatu komunikasi dan topik perbualan. Hal ini telah dijelaskan oleh Fishman (1972), yang memberi mendefinisi domain sebagai,

“...a sociocultural construct abstracted from topics of communication, relationships between communicators, and locales of communication, in accord with the institutions of a society and the spheres of activity of a speech community.”

(Fishman, 1972:587)

Domain berfungsi untuk membolehkan kita memahami fenomena pemilihan bahasa di kalangan penutur yang datang daripada masyarakat pelbagai kelainan bahasa dan mengesan perlakuan bahasa berdasarkan tatatingkal sosial dan situasi dalam sesebuah masyarakat.

Analisis domain perlakuan bahasa merupakan pilihan yang popular oleh kebanyakan penyelidik yang mengkaji penggunaan bahasa dalam sesuatu kumpulan masyarakat. Kaedah analisis domain ini pada mulanya telah diperkenalkan oleh Schmidt Rohr (1932) dalam usaha beliau mengkaji pemeliharaan dan penyisihan bahasa di kalangan orang Jerman. Beliau telah membentuk sembilan domain iaitu kekeluargaan, taman permainan dan jalan, sekolah, gereja, kesusasteraan, media, ketenteraan, mahkamah dan pentadbiran kerajaan pada tahun 1932 (disebut oleh Fishman, 1971). Kaedah analisis domain ini kemudiannya telah dipopularkan oleh Fishman (1964, 1965, 1968)

Jumlah domain adalah berbeza di antara satu komuniti dengan satu komuniti yang lain. David (1996) mengatakan jumlah domain ini berbeza di antara satu komuniti dengan yang lain bergantung kepada keadaan komuniti yang dikaji dan persekitaran komuniti tersebut. Sebagai contoh, Greenfield (1972) telah membentuk lima domain, iaitu kekeluargaan, persahabatan, keagamaan, pendidikan dan pekerjaan semasa beliau mengkaji pemilihan bahasa di kalangan komuniti Puerto Rico di Bandaraya New York. Parasher (1980) telah membentuk tujuh domain, iaitu kekeluargaan, persahabatan, kejiranan, perniagaan, pendidikan, kerajaan dan pekerjaan semasa mengkaji pemilihan bahasa golongan terpelajar di dua buah bandar di India. Hee Piang Chin (1982) telah membentuk empat domain penggunaan bahasa semasa mengkaji bentuk penggunaan bahasa pelajar Tingkatan Satu di Singapura. Hafriza Buranudeen Meedin (1987) yang mengkaji tentang pemilihan bahasa pelajar-pelajar Semenanjung Malaysia yang

belajar di Washington D.C. dan Virginia telah menggunakan lima domain iaitu persahabatan, kekeluargaan, sekolah, agama dan jual beli. Asha Doshi (1985) yang mengkaji penggunaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar Pusat Asasi Sains, Universiti Malaya telah membentuk tujuh domain. Vassberg (1993) telah membentuk lapan domain semasa mengkaji penggunaan bahasa dan sikap terhadap bahasa Alsace di kawasan Mulhouse. Hafriza Buranudeen Meedin sekali lagi pada tahun 1993 telah membentuk dua belas domain, apabila beliau mengkaji penggunaan bahasa dan sikap di kalangan orang-orang Melayu di Malaysia. Nor Hisham (1994) telah membentuk tujuh domain semasa mengkaji pemilihan bahasa di kawasan perumahan Ulu Dedap, Seberang Perak. Lewis (1996) pula telah membentuk sepuluh domain semasa mengkaji komuniti K'iche' di Guatemala. Conrad Ozog (1996) semasa mengkaji penggunaan bahasa di Negara Brunei Darussalam telah membentuk sepuluh domain. Nor Hisham Osman (1999) sekali lagi, semasa mengkaji pemeliharaan dan penyisihan bahasa terhadap komuniti minoriti Rajang-Tanjung telah membentuk lapan domain penggunaan bahasa. Ini disebabkan dalam kajian tahun (1999) ini Nor Hisham telah membahagikan domain kejiranan dan persahabatan tersebut kepada dua domain yang berbeza.

Domain boleh dibahagikan pula mengikut krateria yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Fishman (1964) telah membahagikan domain kepada dua kategori, iaitu domain tinggi dan domain rendah berdasarkan situasi. Domain tinggi adalah dalam situasi formal, manakala domain rendah pula dalam situasi tidak formal.

Bahasa yang digunakan dalam domain tinggi akan dianggap sebagai bahasa tinggi dan bahasa yang digunakan dalam domain rendah dianggap sebagai bahasa rendah. Greenfield (1972) telah membahagikannya kepada dua kategori, iaitu domain mesra dan domain status. Domain yang dimasukkan di bawah kategori mesra ialah kekeluargaan, manakala domain keagamaan, pendidikan dan pekerjaan dimasukkan dalam kategori status. Parasher (1980) pula telah membuat pembahagian domain, sama seperti pembahagian yang dibuat oleh Fishman (1964), iaitu domain tinggi dan domain rendah. Domain-domain kekeluargaan, kejiranan dan persahabatan dimasukkan dalam domain rendah, manakala domain tinggi pula terdiri daripada domain-domain pendidikan, kerajaan dan pekerjaan. Ada juga domain yang dimasukkan ke dalam kedua-dua kategori, iaitu domain perniagaan dan pengkategorian ini bergantung kepada jenis perniagaan yang dijalankan. Bister-Broosøen (1997) pula membuat pembahagian domain kepada domain tak formal dan domain awam. Domain tak formal terdiri daripada domain keluarga, rakan sekelas dan rakan-rakan. Domain awam pula terdiri daripada domain bar, kedai dan jalan.

Greenfield (1972) dalam kajian beliau terhadap pemilihan bahasa di kalangan komuniti Puerto Rico di bandar raya New York telah membentuk lima domain, iaitu domain-domain kekeluargaan, persahabatan, keagamaan, pendidikan dan pekerjaan. Daripada kelima-lima domain ini, Greenfield telah membahagikannya kepada dua kategori, iaitu domain mesra dan domain status. Domain-domain yang dimasukkan dalam kategori domain mesra adalah

kekeluargaan dan persahabatan, manakala domain keagamaan, pendidikan dan pekerjaan dimasukkan dalam kategori status.

Hasil daripada kajian pemilihan bahasa oleh Greenfield ini, didapati komuniti Puerto Rico di New York bersifat diglosik. Pemilihan bahasa bergantung pada domain. Dalam domain-domain status, bahasa Inggeris dipilih sebagai bahasa perhubungan, manakala bahasa Sepanyol pula dipilih dalam domain-domain mesra. Di sini memperlihatkan bahawa bahasa Inggeris dianggap sebagai bahasa tinggi dan bahasa Sepanyol pula dianggap sebagai bahasa rendah.

Abdullah (1979) telah mengkaji penggunaan bahasa di kalangan orang-orang Malaysia yang bilingual yakni menguasai bahasa Inggeris dan bahasa Melayu dengan menggunakan kaedah domain perlakuan bahasa. Beliau telah mengkaji penggunaan bahasa dalam domain-domain persahabatan, kekeluargaan, sekolah, agama dan jual beli dengan menggunakan kaedah soal selidik. Hasil daripada kajian yang dijalankan Abdullah merumuskan empat faktor yang menentukan sama ada responden akan menggunakan bahasa Inggeris, bahasa Melayu atau tukar ganti kod, dalam domain-domain tersebut, iaitu : 1) kesamaan ciri-ciri peribadi interlokutor, 2) kesamaan ciri-ciri tertentu yang mengarah kepada pembentukan satu kumpulan, 3) tahap keformalan, dan 4) kedudukan tempat peristiwa. Beliau juga mendapati situasi yang formal akan menggalakkan responden menggunakan bahasa yang betul dan topik perbincangan menentukan sama ada komunikasi dilakukan dalam satu bahasa atau lebih.

Dapatan Abdullah tentang empat faktor yang mempengaruhi pemilihan bahasa bagi masyarakat bilingual bahasa Inggeris dan bahasa Melayu ini, telah disokong oleh Hafriza Buranudeen Meedin (1987) yang mengkaji tentang pemilihan bahasa pelajar-pelajar Semenanjung Malaysia yang belajar di Washington D.C. dan Virginia. Dalam kajian yang dijalankan beliau telah menggunakan lima domain iaitu persahabatan, kekeluargaan, sekolah, agama dan jual beli.

Parasher (1980) telah membentuk tujuh domain dalam kajian beliau terhadap golongan terpelajar di India, iaitu domain-domain kekeluargaan, persahabatan, kejiran, perniagaan, pendidikan, kerajaan dan pekerjaan. Beliau telah membahagikan domain-domain ini kepada dua kategori, iaitu domain tinggi dan domain rendah. Domain-domain kekeluargaan, kejiran dan persahabatan dimasukkan dalam domain rendah, manakala domain tinggi pula terdiri daripada domain-domain pendidikan, kerajaan, dan pekerjaan. Domain perniagaan pula boleh dimasukkan ke dalam kedua-dua golongan, sama ada domain tinggi atau domain rendah, bergantung kepada jenis perniagaan.

Hasil daripada kajian ini, Parasher (1980) mendapati golongan terpelajar India ini menggunakan bahasa Inggeris dalam semua domain, sama ada domain tinggi maupun domain rendah. Penggunaan bahasa ibunda hanya terhad dalam domain kekeluargaan sahaja. Golongan terpelajar India ini tidak menggunakan bahasa ibunda walaupun dalam domain kejiran dan persahabatan. Dalam

kedua-dua domain ini, mereka tetap menggunakan bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, faktor utama pemilihan bahasa dalam kedua-dua domain ini adalah penguasaan bahasa interlokutor. Jika interlokutor tersebut tidak boleh berbahasa Inggeris, mereka akan menggunakan bahasa Hindi dan jika interlokutor tersebut boleh berbahasa Inggeris, maka bahasa Inggeris akan digunakan. Di sini jelas kelihatan bahawa bahasa Inggeris lebih diutamakan oleh golongan ini lebih-lebih lagi dalam kajian ini kebanyakannya sampel yang terpilih tidak mempunyai bahasa ibunda yang sama dengan jiran dan sahabat.

Daripada bentuk pemilihan bahasa seperti di atas, Parasher membuat kesimpulan bahawa bahasa yang paling banyak dipilih adalah bahasa Inggeris yang diikuti oleh bahasa Hindi dan yang terakhir bahasa ibunda. Bahasa Inggeris digunakan dalam semua domain, manakala bahasa Hindi pula digunakan dalam domain rendah apabila interlokutornya tidak boleh berbahasa Inggeris. Dalam kajian beliau ini, didapati bahasa ibunda hanya digunakan dalam domain kekeluargaan. Analisis domain yang digunakan dalam kajian ini juga untuk mengesankan wujudnya fenomena diglosia di dalam komuniti yang dwibahasa.

Hee Piang Chin (1982) telah membuat kajian tentang bentuk penggunaan bahasa pelajar tingkatan satu yang mengikuti program-program bahasa tambahan yang berbeza di Sekolah Rancangan Bantuan Khas (SAP) di Singapura. Tujuannya untuk melihat penggunaan bahasa pelajar-pelajar ketika berteraksi di dalam domain-domain yang berbeza dan menentukan sama ada wujudnya

kepelbagaian sekiranya mereka dibahagikan kepada kumpulan-kumpulan bahasa tambahan yang berbeza, dengan mengambil kira perbezaan latar belakang bahasa pengantar persekolahan. Untuk tujuan tersebut seramai 110 orang responden telah diminta mengisi borang soal selidik penggunaan bahasa yang berbentuk diari bahasa (*language diary*). Soal selidik yang dikemukakan itu dianalisis berdasarkan analisis domain. Dalam kajian ini Hee telah meneliti empat domain penggunaan bahasa pelajar berkenaan, iaitu domain kekeluargaan, pendidikan, jual beli dan rekreasi.

Beliau mendapati perkaitan peranan (*role relationship*) merupakan penentu utama penggunaan bahasa dalam perbualan, bukannya daerah asal (*locale*) ataupun topik perbualan. Dalam domain rekreasi ‘Bahasa Sekolah’ telah digunakan dalam sembilan daripada sepuluh peristiwa perbualan. Faktor lain yang juga mempengaruhi penggunaan bahasa adalah umur. Hal ini dapat dilihat dengan jelas dalam domain kekeluargaan. Dialek bahasa ibunda dan bahasa-bahasa Cina yang lain digunakan dalam empat dari lima peristiwa perbualan yang melibatkan ibu saudara, ibu bapa dan keluarga. Sebaliknya dalam perbualan dengan adik-beradik, dialek hanya digunakan dalam dua daripada lima peristiwa perbualan. Dialek bahasa ibunda kurang digunakan apabila berhubung dengan saudara mara dari kumpulan umur yang berbeza. Keformalan peristiwa perbualan juga merupakan faktor yang mempengaruhi pemilihan bahasa. Ini dibuktikan dalam domain pendidikan semasa pelajar berinteraksi dengan guru, iaitu bahasa

pengantar persekolahan telah digunakan secara eksklusif. Bahasa Inggeris lebih banyak digunakan berbanding dengan bahasa Mandarin.

Doshi (1985) pula telah mengkaji penggunaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar Pusat Asasi Sains, Universiti Malaya Kuala Lumpur. Beliau ingin memastikan dalam domain apa bahasa Inggeris sering digunakan dan diperlukan, kenapa pelajar ingin mempelajari bahasa Inggeris dan mengesan kesan pendidikan terhadap pembelajaran, pengajaran dan penyediaan bahan.

Untuk tujuan tersebut beliau telah mengedar borang soal selidik penggunaan bahasa Inggeris kepada satu ratus dua puluh orang pelajar Asasi Sains yang berumur antara tujuh belas hingga sembilan belas tahun. Dalam soal selidik tersebut pelajar diminta mengisi kekerapan penggunaan bahasa Inggeris dalam tujuh domain penggunaan bahasa, iaitu domain pendidikan, sosial/persahabatan, media hiburan, kekeluargaan, jual beli, sukan dan keagamaan. Pelajar yang dijadikan responden telah dibahagikan kepada dua kumpulan berdasarkan daerah tempat tinggal (*locale*). Analisis dibuat dengan membandingkan penggunaan bahasa Inggeris dalam ketujuh-tujuh domain tersebut terhadap kumpulan pelajar yang berasal dari bandar dan pelajar luar bandar. Di samping itu setiap kumpulan dipecahkan lagi mengikut kelas sosial, iaitu berdasarkan pekerjaan ibu bapa mereka, sama ada kelas atasan, kelas pertengahan atau kelas bawahan.

Dapatan kajian Doshi menunjukkan kelas sosial dan daerah tempat tinggal, sama ada dari kawasan bandar atau luar bandar mempengaruhi kekerapan penggunaan bahasa Inggeris pelajar. Beliau mendapati pelajar yang berasal dari bandar lebih kerap menggunakan bahasa Inggeris berbanding dengan pelajar yang berasal dari luar bandar. Responden yang datang dari kelas atasan menggunakan bahasa Inggeris lebih kerap dan menggunakan bahasa Inggeris dalam hampir ke semua domain. Bahasa Inggeris kerap digunakan oleh responden dari bandar dan digunakan kadang-kadang oleh responden luar bandar dalam domain pendidikan. Bahasa Inggeris jarang digunakan oleh responden luar bandar dan kelas bawahan dalam domain kekeluargaan, persahabatan dan jual beli. Namun begitu bagi responden kelas atasan, bahasa Inggeris kerap digunakan dalam domain kekeluargaan dan kadang-kadang dalam domain persahabatan, hiburan, sukan dan jual beli. Dalam domain keagamaan bahasa Inggeris amat jarang digunakan oleh kedua-dua kumpulan responden.

Beliau merumuskan, penggunaan bahasa Inggeris dalam domain pendidikan, persahabatan, media hiburan, kekeluargaan, jual beli, sukan dan keagamaan adalah kurang penting bagi pelajar berkenaan. Darjah penggunaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar berkenaan berbeza bergantung kepada tempat asal pelajar dan kelas sosial.

Kaedah analisis domain ini juga telah digunakan oleh Nor Hisham Osman (1991) dalam kajian beliau terhadap pemilihan bahasa di satu kawasan

penempatan tanah rancangan FELCRA di Ulu Dedap, Seberang Perak. Dalam kajian ini beliau telah membentuk tujuh domain penggunaan bahasa iaitu domain-domain kekeluargaan, kejiran dan persahabatan, pemerintahan, pekerjaan persendirian, jual beli dan pendidikan. Domain-domain ini telah dibahagikan kepada domain tinggi dan domain rendah. Domain kekeluargaan, kejiran dan persahabatan, pekerjaan persendirian dan jual beli digolongkan dalam domain rendah, manakala domain pemerintahan, keagamaan dan pendidikan pula digolongkan dalam domain tinggi. Kebanyakan responden memilih untuk menggunakan dialek yang digunakan oleh ibu bapa sama ada subdialek Parit, subdialek Kuala Kangsar, dialek Perak Utara /Kedah, bahasa Jawa atau bahasa Banjar, di samping menggunakan bahasa Melayu basahan apabila berhubung dalam domain kekeluargaan, pekerjaan, kejiran dan persahabatan. Dalam domain jual beli bahasa Melayu basahan paling kerap digunakan. Dalam domain tinggi pula bahasa Melayu Baku, bahasa Melayu basahan dan subdialek Kuala Kangsar yang digunakan. Terdapat beberapa faktor yang menentukan pemilihan bahasa responden, iaitu keturunan, tempat asal, taraf pendidikan, sejarah penghijrahan, pekerjaan dahulu dan ibu bapa.

Hafriza Buranudeen Meedin (1993) mengkaji penggunaan bahasa dan sikap di kalangan orang-orang Melayu di Malaysia. Dalam kajian kali ini beliau telah membentuk 12 domain, iaitu domain penulisan formal, penulisan tidak formal, keagamaan, kekeluargaan, penjual, pasar, pemandu dan konduktor bas, supermarket, pengemis, kedai, persahabatan dan pendidikan. Ini bermakna dalam

kajian tahun 1993, Hafriza telah membuat pembahagian domain kepada aspek yang lebih kecil dan terperinci berbanding sebelumnya.

Responden dalam kajian beliau terdiri daripada pelajar sekolah menengah dan universiti, manakala sebahagian lagi yang telah bekerja. Penggunaan bahasa ditinjau dalam pelbagai domain menggunakan borang soal selidik dan juga temu bual. Dapatan kajian menunjukkan penggunaan bahasa responden amat bergantung kepada kumpulan etnik yang dilawan bertutur. Bahasa Melayu digunakan untuk bercakap dengan orang Melayu dan apabila bertutur dengan bukan Melayu mereka cenderung menggunakan bahasa Inggeris. Sikap responden terhadap Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu serta kecekapan mereka berbahasa dalam kedua-dua bahasa jauh berbeza bergantung kepada umur, pekerjaan dan bahasa pengantar semasa mereka bersekolah. Responden yang mendapat pendidikan aliran Melayu (umur 16-19) menunjukkan sikap kurang berminat terhadap bahasa Inggeris. Pelajar dwibahasa atau mendapat pendidikan Inggeris (umur 20-35) dan golongan profesional yang pelbagai bidang pula menunjukkan sikap yang berminat terhadap kedua-dua bahasa. Golongan profesional mempunyai kecekapan dalam kedua-dua bahasa, manakala golongan pelajar lebih cekap berbahasa Melayu berbanding bahasa Inggeris.

Pada tahun yang sama yakni 1993, Vassberg telah mengkaji penggunaan bahasa dan sikap terhadap bahasa Alsace di kawasan Mulhouse. Alsace merupakan salah sebuah wilayah Perancis. Walau bagaimanapun, jika dilihat dari

faktor-faktor linguistik, sejarah dan geografi, wilayah ini beridentiti Jerman. Bahasa Jerman merupakan bahasa yang digunakan di Alsace sejak abad ke lima belas lagi. Walau bagaimanapun, sejak tamatnya perang dunia kedua (1945), dialek Alsace telah dengan serta merta kehilangan tapak. Ini kerana bahasa Perancis telah menjadi bahasa utama sebagai bahasa kebangsaan dan mendapat tempat dari segi sosial, ekonomi dan politik. Bahasa Perancis menjadi bahasa rasmi yang berprestij digunakan dalam urusan pentadbiran, bahasa pengantar persekolahan dan universiti, bahasa mahkamah, perniagaan dan media. Oleh itu, variasi bahasa Jerman (dialek Jerman Alsace) ini hanya digunakan dalam urusan kekeluargaan, rakan-rakan, di kafe, di sesetengah bengkel dan di kelab warga tua. Sistem tulisan standard yang digunakan untuk dialek Jerman Alsace ini ialah *Hochdeutsch* (Jerman Tinggi) yang lama-kelamaan sukar untuk didengar penutur yang menuturkannya. Kini kebanyakan penduduk Alsace telah beralih menggunakan bahasa Perancis.

Aspek penggunaan bahasa dikaji oleh Vassverg berdasarkan domain, interlokutor dan tajuk. Beliau telah membuat analisis berdasarkan lapan domain, iaitu domain keluarga dan rakan-rakan, kejiranan, membeli belah, pekerjaan, pentadbiran pejabat yakni di bank, balai polis, tempat awam seperti kafe, tajuk perbualan dan fungsi dialek Alsace. Untuk mengetahui sikap bahasa pula, beliau telah mengemukakan soalan yang berbentuk kenyataan tentang sikap dengan jawapan dalam bentuk lima pemeringkatan.

Melalui kajian ini beliau mendapati dialek Jerman Alsace ini dominan di kalangan generasi tua, manakala di kalangan generasi muda mereka lebih banyak menggunakan bahasa Perancis. Dialek Jerman Alsace ini digunakan oleh generasi muda apabila bertutur dengan ibu bapa sahaja. Oleh itu, dialek ini langsung tidak digunakan untuk bertutur dengan saudara mara dan rakan-rakan. Dialek ini juga dianggap fenomena kampung. Angkubah jantina turut mempunyai pengaruh. Golongan wanita lebih suka menggunakan bahasa Perancis kerana bahasa itu dianggap mempunyai prestij dan lambang kesopanan. Vassberg juga menyimpulkan berdasarkan fenomena tersebut jelas berlakunya peralihan bahasa dan identiti. Komuniti Alsace ini semakin tipis identiti Jermannya, kerana mereka lebih minat untuk beridentiti Perancis.

Bister-Broosen (1997) pula telah mengkaji penggunaan dan sikap bahasa terhadap bahasa yang diistilahkannya sebagai dialek Alemannic. Kawasan penutur dialek Alemannic di Upper Rhine ini adalah kepunyaan tiga negara, iaitu Jerman, Perancis dan Switzerland. Tahap penggunaan, penguasaan, status dan fungsi dialek Alemannic di ketiga-tiga negara ini juga berbeza-beza. Walau bagaimanapun, dalam kajian ini beliau hanya membuat perbandingan di dua kawasan, iaitu di Colmar (Perancis) dan Feiburg (Jerman). Di Colmar /kawasan Alsace ini terdapat tiga bahasa, iaitu bahasa Perancis Standard yang merupakan bahasa rasmi, bahasa Jerman standard yang bersifat eksklusif dan digunakan untuk penulisan tertentu dan dialek Jerman Alsace iaitu dialek yang digunakan secara meluas untuk perbualan harian. Di Feiburg pula bahasa Jerman Standard

digunakan sebagai bahasa rasmi dan dialek Jerman Alsace yang lebih pekat digunakan dalam berbualan harian.

Tujuan Bister-Broosen menjalankan kajian ini adalah untuk mengetahui sejauh mana pendedahan bahasa, perhubungan dan penggunaan sebenar dalam domain-domain tertentu di samping sikap mempengaruhi proses kehilangan dialek dan peralihan bahasa.

Data dikumpul menggunakan kaedah soal selidik dan analisis berdasarkan domain penggunaan bahasa. Beliau telah membuat pembahagian domain penggunaan bahasa kepada domain tak formal dan domain domain awam. Domain tak formal terdiri daripada keluarga, rakan sekelas dan rakan-rakan. Domain awam pula terdiri daripada bar, kedai dan jalan.

Dapatan kajian menunjukkan di Colmar yakni di kawasan Perancis, sama seperti dapatan kajian Vassberg (1993) dialek Jerman Alsace sudah jarang digunakan. Dialek ini sering digunakan apabila berbual dengan datuk nenek dan digunakan apabila bercakap dengan ibu bapa kadangkala sahaja. Dialek ini juga sukar didengar dalam domain awam kerana informan lebih suka menggunakan bahasa Perancis. Di Freiburg pula yakni di kawasan Jerman, generasi muda sering menggunakan dialek Jerman ini di kalangan ahli keluarga, rakan sekelas dan rakan-rakan. Angkubah jantina seolah-olah tidak mempengaruhi penggunaan bahasa di kawasan ini. Walau bagaimanapun, kelas sosial mempengaruhi

penggunaan bahasa. Informan dari kelas rendah sering menggunakan dialek berbanding dengan informan kelas pertengahan dan kelas atasan.

Conrad Ozog (1996) telah mengkaji penggunaan bahasa Inggeris di kalangan masyarakat di Negara Brunei Darussalam. Seramai 570 orang responden dari peringkat umur 18 tahun hingga lebih 66 tahun telah diminta menjawab soal-selidik yang disediakan. Data yang diperolehi telah dianalisis berdasarkan analisis domain. Beliau telah membentuk sepuluh domain, iaitu rumah tangga, persahabatan, pekerjaan, kedai, supermarket, pasar, sektor awam dan sektor kerajaan.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa, 30.5% mengatakan bahasa Inggeris yang paling penting. Bahasa Inggeris mendapat kedudukan yang lebih tinggi berbanding bahasa Melayu, yakni bahasa kebangsaan. Bahasa Melayu adalah bahasa untuk berurusan dengan kerajaan, bagaimanapun 33.4% mengatakan mereka menggunakan BI untuk tujuan tersebut. Tukar ganti kod sering berlaku dalam perhubungan dengan kerajaan, seperti dalam mesyuarat. Tetapi dalam mesyuarat yang berhubung dengan perdagangan Bahasa Inggeris digunakan. Dalam sektor swasta 75.6 % menggunakan Bahasa Inggeris. Kesimpulannya, penggunaan Bahasa Inggeris semakin meluas di Negara Brunei Darussalam, walaupun ia bukan bahasa kebangsaan. Penghasilan masyarakat yang bilingual kesan daripada sistem pendidikan menggalakkan peningkatan ini.

Pada tahun 1999 pula, Nor Hisham Osman telah membuat kajian tentang pemeliharaan dan penyisihan bahasa di kalangan komuniti minoriti Rajang-Tanjung di Sarawak. Analisis domain juga merupakan kaedah yang digunakan dalam kajian beliau di samping analisis berdasarkan teori penyesuaian pertuturan dan diglosia. Dalam kajian ini beliau telah membentuk lapan domain pula, iaitu domain kekeluargaan, kejiran, persahabatan, jual beli, keagamaan, pendidikan, pemerintahan dan pekerjaan. Pembahagian domain penggunaan bahasa ini dibuat berdasarkan gabungan tempat, topik dan peserta. Perbezaan yang dilakukan ialah domain kejiran dan persahabatan telah dipisahkan dalam kajian kali ini. Beliau telah membezakan di antara domain kejiran dan persahabatan ini kerana konsep jiran merujuk kepada orang-orang yang tinggal berjiran dengan responden. Manakala domain persahabatan merujuk kepada persahabatan di kawasan perkampungan dan persahabatan di luar kawasan perkampungan komuniti Rajang-Tanjong.

Nor Hisham Osman mendapati di dalam komuniti Rajang-Tanjong ini terdapat sekurang-kurangnya empat bahasa, iaitu bahasa Tanjong, bahasa Kanowit, bahasa Melayu dan bahasa Iban. Dalam domain kekeluargaan, keagamaan dan kejiran bahasa Kanowit digunakan oleh majoriti responden. Dalam domain persahabatan di kawasan perkampungan, majoriti responden menggunakan bahasa Kanowit, manakala dalam domain persahabatan di luar kawasan kampung dan dalam domain jual beli, mereka menggunakan bahasa Iban atau bahasa Melayu berdasarkan interlokutor. Manakala dalam domain

pendidikan, pemerintahan dan pekerjaan bahasa Melayu digunakan oleh majoriti responden. Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi pemilihan bahasa dalam domain-domain yang telah ditetapkan, iaitu penguasaan bahasa individu dan penguasaan bahasa interlokutor, situasi atau tempat perbualan dan profesional.

Rata-rata pengkaji yang menggunakan kaedah analisis domain didapati menggunakan borang soal selidik untuk mengumpul data pemilihan atau penggunaan bahasa. Berdasarkan huraihan dan perbincangan di atas ternyata analisis domain merupakan kaedah yang sering digunakan oleh pengkaji dalam mengkaji penggunaan bahasa dalam masyarakat dwibahasa dan pelbagai bahasa.

Dalam kajian terhadap pelajar universiti di Selatan Thailand ini, analisis domain juga digunakan bagi melihat penggunaan bahasa di kalangan pelajar. Soalan-soalan yang berhubung dengan penggunaan bahasa telah dikemukakan kepada pelajar melalui borang soal selidik dalam enam domain, iaitu domain kekeluargaan, kejiranan, persahabatan, pentadbiran dan pengurusan, jual beli dan keagamaan.

2.2.5 Penyesuaian Pertuturan

Seperti yang telah dinyatakan dalam 2.2.2 pemilihan bahasa juga disebabkan oleh faktor penyesuaian, iaitu penyesuaian yang dilakukan oleh

individu semasa bertutur dari aspek penggunaan bahasa. Sehubungan itu, Giles (1977) telah memperkenalkan teori penyesuaian pertuturan (*speech accommodation theory (SAT)*). Teori ini berlandaskan teori domain perlakuan bahasa dan diperkembangkan dengan cara memperkenalkan konsep penyesuaian dalam perlakuan bahasa.

Penyesuaian di sini bermaksud penutur akan bergerak ke arah memilih bahasa atau kelainan bahasa yang dapat diterima oleh pendengarnya. Dengan kata lain, teori ini mengandaikan penutur akan menggunakan bahasa yang diterima oleh pendengarnya, jika penutur tersebut ingin membina satu hubungan yang baik dengan pendengarnya. Sebagai contoh, dalam kajian David (1996) terhadap komuniti Sindhi di Malaysia, beliau mendapati generasi tua melakukan penyesuaian dengan penggunaan bahasa generasi muda yang menggunakan bahasa Inggeris atau bahasa Melayu semasa berkomunikasi.

Kadangkala berlaku keadaan sebaliknya, iaitu penutur bukan bergerak ke arah penyesuaian dengan bahasa pendengar tetapi sebaliknya bergerak ke arah bertentangan dengan bahasa pendengar. Berlakunya pergerakan mencapah, bukannya selari. Ini bermakna penutur memilih bahasa yang bukan bahasa pendengar dan dengan itu pendengar terpaksa menyesuaikan pemilihan bahasanya dengan penutur (Nor Hisham Osman, 1999). Keadaan ini boleh berlaku apabila penutur hendak menegaskan kesetiaannya terhadap bahasa ahli kumpulannya dan memisahkan dirinya daripada kumpulan interlokutor. Sebagai contoh, Noriah

Mohamed (1991) dalam kajian beliau terhadap komuniti Melayu Iban di Betong, Sarawak mendapati generasi tua Iban tidak melakukan penyesuaian dengan interlokutornya walaupun interlokutornya itu tidak tahu berbahasa Iban.

Dalam teori ini pertumpuan merujuk kepada strategi-strategi penyesuaian yang dilakukan oleh individu dari aspek linguistik, paralinguistik dan bentuk perlakuan bukan lisan supaya menjadi lebih hampir kepada orang yang dilawan bertutur (Giles, Coupland & Coupland, 1991: Giles *et al.*, 1987). Dalam banyak-banyak perlakuan komunikasi itu, yang mungkin dibuat pengubahsuaian untuk menunjukkan pertumpuan adalah aksen/loghat, dialek, idiom dan tukar ganti kod di antara dua bahasa. Ini bermakna penutur akan memilih satu bahasa atau ragam bahasa yang sesuai dengan diri atau kemampuan interlokutor.

Penyimpangan merupakan strategi yang digunakan oleh individu untuk menyerlahkan perbezaan dalam pertuturan dan perlakuan bukan lisan di antara mereka dan orang lain. Ini kerana dalam keadaan-keadaan tertentu penutur gagal membentuk perlakuan supaya menjadi lebih hampir kepada orang yang dilawan bertutur, malah tidak mahu melakukannya. Dengan kata lain, kadangkala penutur segaja tidak mahu menyesuaikan pertuturnya dengan interlokutor kerana ingin menunjukkan kesetiaan terhadap kelompoknya atau ingin memisahkan dirinya dari kelompok interlokutor. Penyimpangan ini boleh berbentuk, sama ada bersifat ‘menaik’ (*upward*) atau ‘menurun’ (*downward*). ‘Menaik’ merujuk kepada

pertukaran ke arah nilai masyarakat, manakala ‘menurun’ merujuk kepada penyimpangan yang tidak mengikut nilai kemasyarakatan.

Perkara utama yang diperhatikan adalah tentang siapakah yang melakukan penyesuaian. Penutur atau pendengar, dan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya penyesuaian itu. Antara faktor-faktor tersebut termasuklah faktor bahasa itu sendiri, seperti kedominanan bahasa tersebut dan juga faktor psikologi penuturnya seperti sikap, prestij, kedudukan sosioekonomi dan politik.

Giles, Bourhis dan Taylor (1977) telah mengkaji sama ada penutur menyalarkan bahasa pertuturnya dengan keperluan pendengar dan sebaliknya. Mereka mendapati, selalunya jika kumpulan yang dominan merasakan diri mereka dominan, maka kumpulan yang kurang dominan terpaksa menyesuaikan penggunaan bahasa mereka dengan kumpulan yang dominan. Nor Hisham Osman (1991) mendapati melalui kajiannya golongan minoriti seperti keturunan Jawa dan Banjar apabila bertutur dengan golongan majoriti yang lebih dominan seperti keluarga Kuala Kangsar, akan melakukan penyesuaian dengan cara menggunakan kelainan bahasa golongan tersebut.

Terdapat dua perkara yang menentukan kedominanan, iaitu jumlah yang besar dan status sosial. Kajian Nor Hisham Osman (1999) mendapati bahasa Iban merupakan bahasa yang paling luas digunakan di daerah Kapit. Keadaan ini disebabkan suku kaum Iban merupakan golongan majoriti di kawasan tersebut,

iaitu mewakili 87.5 peratus penduduk daerah Kapit. Oleh itu, bahasa Iban penting bagi responden kerana bahasa ini digunakan dengan meluas di daerah tersebut.

Sikap penutur sama ada untuk mempertahankan kelainan bahasa ibundanya atau untuk melakukan penyesuaian juga ditentukan oleh faktor kedominanan. Selalunya kumpulan yang kurang dominan akan menyesuaikan dirinya dengan orang yang lebih dominan. Sehubungan itu, Bibi Aminah Abdul Ghani dan Abang Ahmad Ridzuan (1993) mendapati komuniti Miriek yang merupakan komuniti minoriti dan tidak dominan telah melakukan penyesuaian dengan golongan majoriti yang lebih dominan, iaitu orang Melayu. Bahasa ibunda komuniti ini telah disisih oleh bahasa Melayu.

Kajian Nor Hisham Osman (1999) juga mengesahkan fenomena ini. Dalam kajian beliau, komuniti yang dikaji merupakan komuniti Rajang-Tanjung di Kapit. Komuniti ini merupakan komuniti minoriti yang bersifat dwibahasa yang tinggal di kawasan yang dikelilingi oleh suku kaum majoriti Iban. Disebabkan jumlah mereka sedikit, mereka mudah terpengaruh dengan golongan yang lebih dominan, iaitu suku kaum Iban. Ini menyebabkan generasi muda beralih kepada menggunakan bahasa Iban dalam perhubungan sehari-hari.

Walau bagaimanapun, dalam latar yang berbeza golongan minoriti didapati tidak semestinya mengikut golongan majoriti. Dalam kajian yang dibuat oleh Nor Hisham Osman (1994) terdapat juga golongan minoriti yang berjaya

mempertahankan bahasa atau kelainan ibunda mereka walaupun mereka di kelilingi oleh golongan majoriti. Dalam kajian beliau terhadap komuniti Kedah di Seberang Perak, beliau mendapati komuniti Kedah tidak cuba menyesuaikan pertuturan mereka, walaupun mereka tinggal dalam kawasan penutur dialek Perak. Mereka bersikap terus menggunakan kelainan dialek Kedah, sebaliknya orang Perak pula yang menyesuaikan pertuturan mereka dengan dialek Kedah apabila berhubung dengan orang Kedah.

Sikap penutur sama ada untuk mempertahankan kelainan bahasa ibundanya bergantung kepada sikap mereka terhadap penggunaan bahasa ibunda tersebut. Sehubungan itu, David (1996) dalam kajian beliau terhadap komuniti Sindhi di Malaysia mendapati generasi tua melakukan penyesuaian dengan menggunakan bahasa golongan muda. Generasi tua membuat penyesuaian pertuturan dengan meninggalkan bahasa ibunda kerana menyesuaikan dengan bahasa generasi muda yang menggunakan bahasa Inggeris atau bahasa Melayu. Generasi muda tidak mempertahankan kelainan bahasa ibunda mereka.

Daripada perbincangan di atas, dapat dilihat semasa menggunakan bahasa, masyarakat akan melakukan penyesuaian dalam pertuturan mereka. Penyesuaian pertuturan ini dilakukan oleh penutur dan interlokutor dengan dipengaruhi oleh faktor bahasa seperti kedominanan dan juga faktor psikologi seperti sikap dan sebagainya lagi.

Dalam kajian ini akan dilihat sama ada pelajar yang dikaji melakukan penyesuaian dalam penggunaan bahasa mereka mengikut domain-domain yang telah ditetapkan.

2.2.6 **Diglosia**

Diglosia merupakan fenomena kesan daripada penggunaan dua atau lebih kelainan bahasa daripada satu bahasa yang sama dalam keadaan yang berbeza. Konsep diglosia ini dibentuk bagi menggambarkan keadaan dwibahasa dan pelbagai bahasa dalam sesebuah komuniti masyarakat atau dalam sesebuah negara. Konsep diglosia mula diperkenalkan oleh Ferguson (1959) bagi menggambarkan keadaan perhubungan saling melengkapi di antara dua atau lebih kelainan daripada satu bahasa. Dalam satu bahasa, ada kelainan yang digunakan dalam satu situasi dan kelainan yang lain pula digunakan dalam situasi yang lain. Dalam situasi yang formal, kelainan yang digunakan dianggap kelainan tinggi (seterusnya disebut H) dan kelainan yang digunakan dalam situasi tidak formal pula dianggap sebagai kelainan rendah (seterusnya disebut L).

Hubungan kedua-dua kelainan bahasa ini dijelaskan menerusi sembilan topik, iaitu fungsi, martabat, tradisi, penulisan, pemerolehan, standardisi, tatabahasa, kosa kata, fonologi dan kestabilan.

Kelainan H merupakan kelainan yang menjadi lambang prestij serta mempunyai warisan persuratan dan mengalami proses standardisasi. Kelainan ini

tidak digunakan dalam perhubungan sehari-hari, dan hanya digunakan dalam pendidikan, dipelajari secara formal serta digunakan dalam tulisan dan dalam upacara-upacara formal. Kelainan ini dipelajari secara melalui sistem pendidikan formal. Kelainan L pula digunakan dalam situasi tidak formal dan digunakan sehari-hari dalam bentuk pertuturan.

Fishman (1967) telah mengembangkan konsep ini dengan memasukkan keadaan dwibahasa dan pelbagai bahasa. Bagi Fishman, diglosia adalah perhubungan saling melengkapi di antara dua atau lebih bahasa yang berbeza. Dengan itu, Fishman sebenarnya telah memperluaskan konsep diglosia ini mencakupi keadaan dwibahasa dan pelbagai bahasa, berbeza dengan definisi Ferguson yang hanya terhad kepada kelainan dalam satu bahasa sahaja. Untuk melihat perkaitan di antara dwibahasa dan diglosia, Fishman telah memberi empat kemungkinan berlaku dalam komuniti, iaitu diglosia dan dwibahasa hadir bersama, diglosia tanpa dwibahasa, dwibahasa tanpa diglosia dan kemungkinan tidak wujud diglosia maupun dwibahasa.

Dalam komuniti yang terdapat diglosia dan dwibahasa hadir bersama, anggota komuniti boleh bertutur lebih daripada satu bahasa. Ada bahasa dianggap sebagai bahasa H dan ada bahasa yang dianggap sebagai bahasa L. Bahasa-bahasa ini saling melengkapi, yakni yang digunakan dalam domain-domain yang berlainan. Bahasa H digunakan dalam domain-domain formal seperti pendidikan, pentadbiran, keagamaan dan juga dalam bentuk tulisan. Bahasa ini diperolehi

melalui pendidikan formal di sekolah dan tidak digunakan dalam perhubungan mesra sehari-hari.

Diglosia tanpa dwibahasa pula adalah keadaan dalam sebuah negara yang wujud dua kelompok yang berbeza yang bernaung di bawah satu sistem politik, agama dan ekonomi. Salah satu kelompok merupakan golongan pemerintah dan bercakap dalam bahasa yang dianggap H dan satu golongan lagi adalah golongan yang diperintah dan bercakap dalam bahasa lain yang dianggap L. Sebenarnya keadaan ini agak sukar ditemui sekarang kerana sistem komunikasi moden dan pendidikan yang efisien menghapuskan jurang sosial antara kedua golongan ini.

Fishman telah memberi beberapa contoh keadaan diglosia tanpa dwibahasa ini, antaranya adalah keadaan di Rusia sebelum Perang Dunia Pertama. Pada masa itu golongan bangsawan menggunakan bahasa Perancis dan rakyat biasa pula menggunakan bahasa Rusia. Bahasa Perancis dianggap sebagai bahasa H dan bahasa Rusia dianggap sebagai bahasa L. Keadaan ini juga boleh dilihat di beberapa buah negara membangun, semasa negara-negara tersebut masih dijajah, bahasa penjajah adalah bahasa H dan bahasa pribumi adalah bahasa L. Dalam negara seperti ini, sebenarnya ada dua bahasa tetapi penduduknya tidak bersifat dwibahasa. Kedua-dua golongan, yakni yang memerintah dan yang diperintah terpisah dan masing-masing dengan bahasanya sendiri dan kedua-dua golongan ini tidak berinteraksi di antara satu sama lain. Hanya wujud interaksi minimum yang menggunakan jurubahasa atau bahasa pijin.

Keadaan dwibahasa tanpa diglosia pula berlaku apabila sebahagian besar anggota komuniti itu bersifat dwibahasa atau pelbagai bahasa. Mereka tidak mengehadkan penggunaan mana-mana bahasa untuk sesuatu situasi dan tujuan. Ini bermakna semua bahasa boleh digunakan bila-bila sahaja dan di mana-mana sahaja. Menurut Fishman lagi, keadaan ini wujud akibat dari kesan jangka panjang diglosia. Keadaan ini berlaku dalam komuniti yang dahulunya merupakan komuniti diglosia dan dwibahasa hadir bersama, tetapi telah berlaku ‘kebocoran’ diglosia. Kebocoran ini berlaku apabila sesuatu bahasa ini, masuk ke dalam fungsi bahasa yang satu lagi. Bahasa yang dahulunya dianggap L telah digunakan dalam situasi yang dahulunya menggunakan bahasa H. Dengan itu, tiada lagi bahasa yang dianggap lebih berprestij daripada bahasa yang lain, semua bahasa bertaraf sama.

Terdapat juga bentuk diglosia di dalam diglosia yang lebih besar. Fenomena ini telah ditemui oleh Gumperz (1964) dalam kajian beliau terhadap penduduk Khalapur di India. Di dalam komuniti yang dikaji oleh Gumperz ini, bahasa Hindi adalah bahasa bertaraf H dan bahasa Hindi ini pula boleh dibahagikan kepada dua kelainan berdasarkan gaya, iaitu gaya pidato dan gaya perbualan. Gaya pidato bertaraf lebih tinggi daripada gaya perbualan dan diberi simbol Hh, manakala gaya perbualan dianggap lebih rendah dan diberi simbol Hl.

Bahasa yang bertaraf rendah adalah bahasa vernakular, iaitu dialek tempatan. Bahasa vernakular ini juga terbahagi kepada dua kelainan, iaitu yang

digunakan dalam perhubungan dengan kanak-kanak, ahli keluarga, sahabat karib dan golongan yang berstatus rendah, manakala kelainan yang satu lagi pula digunakan dalam perhubungan tidak formal dengan orang yang lebih tua dan orang yang dihormati. Kelainan yang kedua ini merupakan bahasa bertaraf rendah yang lebih tinggi kedudukannya daripada kelainan yang pertama tadi. Dengan itu, didapati terdapat diglosia yang kecil di dalam diglosia yang lebih besar. Bahasa bertaraf H dibahagikan kepada H_h dan H_l manakala bahasa bertaraf L pula dibahagikan kepada yang bertaraf L_h dan L_l.

Dalam komuniti pelbagai bahasa pula bentuk diglosianya agak berlainan daripada diglosia dalam komuniti satu bahasa dan dwibahasa. Keadaan diglosia dalam komuniti pelbagai bahasa ini juga telah dikaji oleh Platt (1977). Beliau telah menggunakan istilah poliglosia sejajar (*linear polyglossia*) dalam mnggambarkan tatatingkat bahasa di kalangan orang Cina yang berpendidikan Inggeris di Malaysia dan Singapura. Dalam kajian yang beliau jalankan didapati bahasa Inggeris formal dan bahasa Malaysia merupakan bahasa H, dengan itu beliau menamakannya sebagai H₁ dan H₂. Bahasa Mandarin sebagai *Dummy High* (DH), bahasa ini sebenarnya dianggap tinggi oleh orang Cina berpendidikan Inggeris ini tetapi tidak ramai yang boleh bertutur dalam bahasa ini dan bahasa ini juga tidak digunakan sepenuhnya dalam sesuatu domain. Bahasa Inggeris kolokial dianggap sebagai bahasa pertengahan, iaitu M dan bahasa Cina tempatan sebagai bahasa L. Di samping itu, model Platt ini juga memasukkan satu tahap lagi, iaitu bahasa rendah yang rendah (subLow) yang diberi simbol L-. Bahasa L- ini adalah

bahasa lingua franca yang berprestij rendah. Di kalangan golongan yang dikaji, bahasa L- adalah bahasa Melayu pasar.

Di samping beberapa orang pengkaji yang telah membuat penyelidikan dan mengemukakan tentang konsep diglosia seperti yang dibincangkan di atas, terdapat beberapa orang sarjana yang telah menggunakan konsep diglosia ini untuk menggambarkan bentuk penggunaan bahasa dalam komuniti yang bersifat pelbagai bahasa dan pelbagai kelainan bahasa. Mereka telah mengembangkan konsep diglosia ini bersesuaian dengan penemuan kajian mereka. Abdulaziz Mkilifi (1978) dan Asmah Hj. Omar (1992) menggunakan istilah triglosia untuk menggambarkan penggunaan tiga bahasa yang saling melengkapi dalam tiga situasi yang berbeza. Nor Hisham Osman (1999) pula telah menemui kewujudan diglosia kecil di dalam diglosia yang lebih besar.

Abdulaziz Mkilifi menggunakan istilah triglosia untuk menggambarkan penggunaan bahasa Inggeris, Swahili dan bahasa vernakular di Tanzania. Bahasa Inggeris merupakan bahasa H dan bahasa Swahili pula adalah bahasa L tetapi apabila dibandingkan dengan bahasa vernakular, bahasa Swahili ini adalah H dan bahasa ini sedang dibangunkan menjadi bahasa rasmi di Tanzania. Di sini dapat dilihat bahawa bahasa Swahili ini terlibat dalam dua sistem diglosia. Dengan itu, Abdulaziz meletakkan bahasa Inggeris bahasa H yang tinggi dan bahasa kedua pula adalah bahasa Swahili yang merupakan bahasa L dan juga bahasa H,

manakala bahasa vernakular adalah bahasa L. Fasold (1984:45) pula menamakan keadaan ini sebagai diglosia bertindan dua (*double overlapping diglossia*).

Asmah Hj. Omar (1992) juga menggunakan konsep triglosia untuk menerangkan kedudukan bahasa Inggeris, bahasa Melayu dan bahasa-bahasa lain di Malaysia. Bahasa Melayu merupakan bahasa H dan bahasa-bahasa lain adalah bahasa L. Bahasa Inggeris pula terletak di antara bahasa H dan bahasa L, beliau menamakan kedudukan bahasa Inggeris ini sebagai bahasa M. Walau bagaimanapun, Asmah Hj. Omar memberi alternatif lain bagi menggambarkan keadaan pelbagai bahasa di Malaysia. Bahasa Inggeris sebenarnya adalah bahasa H, dengan itu akan terdapat dua bahasa H di Malaysia. Untuk melihat kedudukan sebenar bahasa Inggeris ini, beliau melihatnya sebagai diglosia di dalam diglosia yang lebih besar (*diglossia within a larger diglossia*). Di sini didapati terdapat diglosia di dalam diglosia. Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris kedua-duanya adalah bahasa H, tetapi bahasa Melayu adalah HH dan bahasa Inggeris pula HL, manakala bahasa-bahasa lain adalah L.

Nor Hisham Osman (1999) pula telah bersetuju dengan Gumperz (1964) dan Asmah Hj. Omar (1992) tentang kewujudan diglosia kecil di dalam diglosia yang lebih besar. Namun begitu, beliau mengatakan terdapat sedikit perbezaan bentuk diglosia yang diutarakan oleh Asmah Hj. Omar. Asmah Hj. Omar mendapati terdapat diglosia di dalam bahasa H dan dengan itu bahasa H ini telah dibahagikan kepada dua, iaitu H yang tinggi dengan simbol HH dan H yang

rendah dengan simbol H. Dalam komuniti Rajang-Tanjong yang dikaji oleh Nor Hisham Osman (1999) pula, diglosia yang kecil berlaku dalam bahasa L. Bahasa Melayu Standard merupakan bahasa H dan bahasa-bahasa lain adalah bahasa L. Di kalangan bahasa L ini pula terdapat diglosianya sendiri, iaitu bahasa Melayu bahasan sebagai bahasa rendah yang tinggi pertama (LH1), bahasa Iban sebagai bahasa rendah yang tinggi kedua (LH2), bahasa Kanowit sebagai bahasa rendah yang rendah pertama (LL1) dan bahasa Tanjong sebagai bahasa rendah yang rendah kedua (LL2).

Perbincangan di atas menunjukkan keadaan dwibahasa dan pelbagai bahasa akan menyebabkan timbulnya fenomena diglosia. Oleh sebab konsep diglosia ini menggambarkan keadaan saling melengkapi di antara dua atau lebih kelainan daripada satu atau pelbagai bahasa bahasa, maka konsep ini tentunya dapat menjelaskan fenomena penggunaan bahasa dalam kajian yang dijalankan ini.

2.3 Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Rasmi

Bahasa rasmi ialah bahasa yang digunakan dalam situasi rasmi, iaitu pemerintahan dan pentadbiran, pendidikan, perdagangan, upacara rasmi dan sebagainya. Bahasa rasmi tidak semestinya bahasa kebangsaan. Selalunya, bagi negara-negara yang baru merdeka, yang bahasa kebangsaannya belum maju, bahasa rasminya adalah bahasa yang lain, selalunya bahasa perhubungan luas

ataupun bahasa bekas penjajahnya. Situasi ini berterusan sehingga sampai pada satu peringkat apabila bahasa kebangsaannya bersedia menjadi bahasa rasmi. Bahasa rasmi ini juga boleh lebih dari satu.

Sehubungan itu Noss *et.al* menyebut tentang dasar bahasa rasmi sebagai berikut:

Official language policy consists of statements by duly constituted governments about the use, form, or role of various languages in the territory under the jurisdiction of the government concerned. There are three main vehicles for such official policy statements: (1) constitutional law; (2) statutes or laws passed by legislatures; and (3) edicts, decrees, orders, or guide-lines issued by executive or administrative arms of the government at various levels.

(Noss *et.al*, 1984:2)

Oleh yang demikian, jelaslah bahawa bahasa rasmi ini adalah bahasa yang telah dipilih oleh pemerintah sesebuah negara sebagai bahasa yang digunakan untuk melicinkan urusan pentadbiran yang pembangunan sesebuah negara. Bahasa rasmi amat penting. Dalam undang-undang sesebuah negara telah dinyatakan dengan jelas berhubung dengan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Bahasa kebangsaan pula adalah bahasa yang melambangkan identiti dan kedaulatan negara. Menurut Garvin istilah bahasa kebangsaan ini mempunyai dua maksud, iaitu:

One of them, an emotionally more neutral one, indicates that a given language serves the entire territory of a nation rather than just some regional or ethnic subdivision.

The second, emotionally more powerful sense of the term indicates that a language functions as a national symbol. This is the sense in which the term is commonly used in emergent countries; it is then often contrasted with the language of the former colonial overlord.

(Garvin , 1974:70)

Bahasa kebangsaan mempunyai fungsi pemersatu dan fungsi pemisah. Fungsi pemersatu bermaksud menyatukan rakyat dari pelbagai kaum dan bahasa serta memberi identiti tersendiri. Fungsi pemisah pula bermaksud, memisahkan masyarakat sesebuah negara itu dari masyarakat bahasa yang lain. Asmah Hj. Omar telah menerangkan fungsi-fungsi tersebut sebagai,

Kedua-dua fungsi ini mengaitkan sikap yang sejajar dengan masing-masing konsep dalam kesetiaan bahasa. Dalam perkataan lain, fungsi pemersatu menimbulkan sikap pemersatu dalam kesetiaan bahasa sedangkan fungsi pemisah menimbulkan sikap pemisah. Fungsi pemisah atau sikap pemisah di sini bererti fungsi atau sikap bahasa yang memisahkan masyarakat yang berkenaan itu dari masyarakat bahasa yang lain.

(Asmah Hj. Omar ,1985:29)

Dalam sesebuah negara, bahasa kebangsaannya haruslah satu sahaja, sesuai dengan peranannya sebagai alat penyatuan dan identiti negara. Rakyat dari pelbagai latar belakang linguistik dan bangsa dapat disatukan di bawah satu bahasa dan identiti. Penentuan bahasa mana yang patut menjadi bahasa kebangsaan adalah keputusan politik. Golongan yang berkuasa, yakni pemerintah yang menentukan bahasa yang mana satu patut dijadikan bahasa kebangsaan dengan mengambil kira pelbagai aspek terutamanya politik, sosial dan sejarah.

2.4 Bahasa Kumpulan Minoriti

Bahasa kumpulan minoriti merujuk kepada bahasa pertama atau bahasa ibunda kumpulan minoriti yang terdapat di sesebuah negara. Richards, Platt dan Webber (1985) mendefinisikan bahasa kumpulan tersebut sebagai, “*A language spoken by group of people who form a minority within a country.*”

Kajian-kajian yang lalu menunjukkan bahawa masyarakat mempunyai tanggapan dan sikap yang negatif terhadap bahasa kumpulan ini. Masyarakat umum di sesebuah negara seolah-olah menafikan keperluan dan fungsi bahasa ini. Grillo (1989) mengatakan, “*subordinated languages are despised languages*”.

Bahasa kumpulan minoriti biasanya tidak ada nilai ekonomi. Sesuatu bahasa itu akan mempunyai nilai ekonomi sekiranya ia merupakan bahasa yang berdifusi luas, bahasa yang bersifat antarabangsa, bahasa yang menjadi bahasa kebangsaan atau bahasa yang menjadi bahasa rasmi sesebuah negara.

Bahasa kumpulan minoriti juga dikatakan tidak berprestij. Masyarakat memberi nilai tidak berprestij terhadap bahasa kumpulan minoriti kerana bahasa ini hanya digunakan dalam situasi tidak rasmi atau hanya untuk berkomunikasi dengan komuniti tertentu sahaja.

May (2001) dalam membincangkan bahasa kumpulan minoriti mengatakan bahasa ini tidak diberikan pandangan yang seiring dengan bahasa kumpulan majoriti di dalam sesebuah negara bangsa. Menurut beliau kebanyakan kajian yang dibuat oleh ahli akademik mengaitkan pandangan masyarakat terhadap bahasa itu sama seperti pandangan masyarakat terhadap komuniti yang menuturkan bahasa tersebut. Komuniti ini dikatakan anti kemodenan, regresif dan hanya dipergunakan oleh sekumpulan individu untuk kepentingan sendiri bagi tujuan politik.

Tanggapan yang negatif kepada komuniti penutur bahasa minoriti ini juga dapat dilihat dengan jelas dari aspek politik. Laporan akhbar atau berita di radio dan televisyen sering memperkatakan tentang konflik etnik. Tempat-tempat seperti Rwanda, Burundi, Northen Ireland, Sri Lanka sering dikaitkan dengan konflik etnik atau keganasan politik. Malah May (2001) mengatakan kebanyakan keganasan politik dunia telah dikaitkan dengan konflik etnik.

Walau bagaimanapun, sebagai suatu bahasa, bahasa kumpulan minoriti ini tetap juga mendukung fungsinya sebagai bahasa. Bahasa merupakan lambang identiti, alat perpaduan dan komunikasi, walaupun dalam konteks ini mungkin hanya berfungsi dalam komuniti tertentu sahaja.

Bahasa merupakan lambang identiti. Bahasa yang dituturkan oleh seseorang atau sekumpulan masyarakat merupakan identiti masyarakat tersebut.

Begitu jugalah dengan bahasa kumpulan minoriti. Bahasa tersebut merupakan lambang identiti komuniti tersebut. Sehubungan itu, Thomson mengatakan,

“One of the basic functions of ethnic identity is to bind individuals to a group. The group’s foundation is a sense of common manners, rituals, values, and a common speech community: and the extent to which members of the group share in this set boundaries for group interaction and share consciousness.”

(Thomson, 1981:23)

Bahasa merupakan alat perpaduan. Kesamaan bahasa akan membuatkan sesuatu kelompok masyarakat itu mudah untuk bersatu dan mempunyai hubungan yang erat. Hal yang sama juga berlaku kepada penutur bahasa kumpulan minoriti. Thomson (1980) mengatakan, “*Ethnic identity provides one basic for individuals to organise their relationships. Alternative organisational modes are based on ties of occupation, religion, class, sex, age and ideology.*” Sehubungan itu Nor Hisham Osman (1999) menjelaskan, “Anggota sesuatu komuniti mempunyai rasa perpaduan yang kuat jika disatukan dalam satu bahasa yang dapat menguatkan rasa kekitaan di kalangan anggota komuniti.”

Bahasa juga merupakan alat komunikasi utama manusia bagi tujuan interaksi dalam sesebuah masyarakat atau dengan masyarakat lain. Bagi kelompok minoriti bahasa ibunda mereka amat penting untuk tujuan ini, terutama apabila berkomunikasi dalam perkara yang berkait dengan perasaan, cara hidup atau budaya mereka.

Bahasa merupakan cermin budaya sesuatu bangsa. Bahasa kumpulan minoriti juga mendukung fungsi ini. S. Takdir Alishahbana (1984) menegaskan, “*Another aspect of the problems involved in the languages of minorities is their culture value, not only for the minorities involved but also for the whole of humankind.*” Ini disebabkan bahasa memainkan peranan sebagai fungsi ekspresif budaya.

Bahasa kaum minoriti ini penting dalam pembinaan bahasa kebangsaan bagi sesebuah negara. Hal ini telah ditegaskan oleh Nor Hisham Osman, yang mengatakan:

Bahasa golongan minoriti ini juga sebenarnya dapat memberi sumbangan yang besar dalam memantapkan lagi bahasa kebangsaan. Perbendaharaan kata bahasa kebangsaan, terutamanya dari segi istilah dapat ditambah dengan mengambil kata-kata yang terdapat dalam bahasa minoriti bagi konsep-konsep yang tidak terdapat dalam bahasa kebangsaan.

(Nor Hisham Osman, 1999:5)

Di samping itu, sesuatu bahasa itu mungkin merupakan bahasa kumpulan minoriti di sesebuah negara atau kawasan, tetapi di negara lain bahasa tersebut mungkin merupakan bahasa kumpulan majoriti. Srivastava (1984) mengatakan, “*In such cases a minority language of one region is the language of the majority in some other region.*” Sebagai contoh bahasa Mandarin merupakan bahasa kumpulan minoriti di Malaysia sebaliknya merupakan bahasa kumpulan majoriti di negara Cina. Ia Melayu, di Malaysia bahasa ini pilih sebagai bahasa kebangsaan dan

bahasa rasmi negara, tetapi di negara Thai bahasa Melayu merupakan salah satu bahasa kumpulan minoriti negara itu.

Bahasa kumpulan minoriti ini adakalanya ditawarkan sebagai satu mata pelajaran bahasa asing di peringkat sekolah dan universiti. Sebagai contoh, di Thailand bahasa Melayu yang merupakan bahasa kaum minoriti telah ditawarkan sebagai satu mata pelajaran bahasa asing.

2.5 Bahasa Asing

Bahasa asing umumnya adalah satu bahasa yang bukan bahasa ibunda, bukan bahasa kebangsaan dan bukan juga bahasa rasmi di sesebuah negara. Sebagai satu bahasa yang bukan bahasa ibunda di sesebuah negara, bahasa asing biasanya dipelajari untuk tujuan komunikasi dengan orang-orang yang menuturkan bahasa itu atau untuk tujuan membaca bahan-bahan bertulis di dalam bahasa berkenaan. Namun begitu bagi negara yang pelbagai bahasa, adakalanya bahasa yang dianggap sebagai bahasa asing itu merupakan bahasa ibunda kelompok masyarakat tertentu.

Richards, Platt dan Weber (1985), dalam memberi definisi bahasa asing telah menerangkan bahawa, dari aspek linguistik gunaan di Amerika Utara, bahasa asing itu adalah sama dengan bahasa kedua. Walau bagaimanapun di Britain asing dan bahasa kedua ini dibezakan. Bahasa asing ialah

bahasa yang diajar di sekolah sebagai mata pelajaran yang tidak digunakan sebagai bahasa pengantar di sekolah atau sebagai bahasa untuk tujuan berkomunikasi di dalam negara apabila berurusan dengan kerajaan, untuk tujuan perniagaan atau industri.

Bahasa kedua pula ialah bahasa yang bukan bahasa ibunda tetapi telah digunakan dengan meluas sebagai alat komunikasi dalam pendidikan atau berhubung dengan kerajaan. Bahasa ini biasanya digunakan seiring dengan bahasa lain di negara tersebut.

Bahasa asing dikuasai atau dipelajari selepas menguasai sedikit sebanyak sistem bunyi, struktur dan perbendaharaan kata bahasa ibunda. Dengan itu, seseorang yang mempelajari bahasa asing itu umumnya telah memperolehi sedikit sebanyak kebiasaan-kebiasaan bahasa yang sudah sebatи dalam dirinya.

Pembelajaran bahasa asing sesudah menguasai bahasa ibunda itu mungkin menguntungkan dan adakalanya merupakan satu gangguan kepada pelajar. Hal ini bergantung kepada sifat atau ciri-ciri khusus bahasa itu dan juga sikap pelajar. Sesetengah pendapat mengatakan bahawa pembelajaran bahasa asing ini lebih mudah kerana proses-proses yang dilalui semasa mempelajari bahasa ibunda yang telah dialami menjadi pengalaman untuk memudahkan pemahaman.

Di kebanyakan negara, bahasa asing akan dimasukkan sebagai salah satu mata pelajaran sama ada di peringkat rendah, menengah atau peringkat tinggi. Sebagai contoh, menurut Namtip (1981), di Thailand pengajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa asing telah menjadi sebahagian daripada pendidikan di Thailand lebih daripada tiga belas dekad.

Ada beberapa tujuan mengapa bahasa asing itu dimasukkan sebagai satu mata pelajaran di setiap negara. Biasanya hal ini berkait rapat dengan dasar pendidikan, ekonomi dan politik negara.

Bahasa asing tersebut mungkin merupakan bahasa antarabangsa yang penting untuk komunikasi antarabangsa dan perkembangan sains dan teknologi seperti bahasa Inggeris yang diajar di kebanyakan negara membangun di seluruh dunia. Sebagai contoh, di Indonesia bahasa Inggeris merupakan bahasa asing yang mendapat tempat yang istimewa. Bahasa ini merupakan satu-satunya bahasa asing yang diajar sebagai mata pelajaran wajib di sekolah kerajaan. Menurut Nababan,

This special position of English is easy to understand as the country, at Independence, chose English as its language of wider communication, the linguistics means of international contacts and as the chief library foreign language, i.e. the means for the acquisition of science and technology from outside the country.

(Nababan, 1982:27)

Bahasa asing yang berfungsi sebagai bahasa agama sering mendapat tempat di sesebuah negara. Di Malaysia misalnya, sebagai sebuah negara Islam,

bahasa Arab telah menjadi satu bahasa asing yang penting untuk tujuan penyebaran agama Islam. Oleh itu, bahasa ini telah diajar sebagai bahasa asing untuk tujuan mempelajari agama Islam sejak zaman kesultanan Melaka lagi di sekolah-sekolah agama atau pondok. Hal ini telah dihuraikan dengan jelas oleh Hassan Mohamad Doka, seperti berikut:

After the spread of Islam among the majority of Malays, Islam was strongly established. The Sultans (Malay Rules) of Malacca also showed great interest in Islamic religious learning and encouraged their people to seek knowledge about Islam. Malay Muslims developed a great deal of respect for Arabic as the Qur'anic language and then showed a great desire to learn Arabic.

(Hassan Mohamad Doka, 2000:14)

Oleh itu didapati di Malaysia hari ini, di samping bahasa Inggeris, bahasa Arab telah menjadi salah satu bahasa asing yang diwajibkan bagi pelajar khususnya yang menuntut di sekolah agama sama ada di sekolah agama bantuan kerajaan atau swasta.

Di Thailand pula selain bahasa Inggeris, bahasa Arab dan bahasa Melayu telah ditawarkan sebagai satu mata pelajaran bahasa asing. Sebenarnya bahasa Melayu ini merupakan bahasa ibunda majoriti pengikut agama Islam di negara tersebut. Walau bagaimanapun, kedua-dua bahasa ini ditawarkan sebagai mata pelajaran bahasa asing yang perlu diikuti atau sebagai mata pelajaran pilihan di peringkat universiti dan sekolah agama sama ada di sekolah agama kerajaan atau swasta. Ini disebabkan bahasa Arab dan bahasa Melayu berfungsi sebagai bahasa untuk kegiatan agama Islam khususnya di wilayah-wilayah selatan Thailand.

Oleh hal yang demikian, didapati di sekolah atau madrasah bahasa Melayu diajar sebagai bahasa asing yang penting kepada pelajar Islam. Ini kerana bahasa Melayu digunakan di samping bahasa Arab dalam kegiatan agama Islam, istimewanya di tiga wilayah di Selatan Thailand, iaitu Pattani, Yala dan Narathiwat. Menurut Saynee Madmar (1988) sehingga kini didapati bahasa Melayu masih digunakan sebagai bahasa untuk Khutbah Jumaat di beberapa buah masjid di wilayah tersebut. Di samping itu upacara perkahwinan, seperti pernikahan memang dijalankan dengan menggunakan bahasa Melayu.

Dapatlah dirumuskan di sini, bahasa asing merupakan satu bahasa yang turut berperanan dalam sesebuah negara. Keperluannya mengikut konteks dan fungsinya menjadikan bahasa asing turut dijadikan mata pelajaran wajib dan mata pelajaran pilihan di sekolah. Bagi bahasa asing yang berfungsi sebagai bahasa antarabangsa, biasanya ia dijadikan sebagai mata pelajaran wajib, dan sebagai mata pelajaran pilihan, bagi bahasa asing yang mempunyai peranan tertentu.

2.6 Kesimpulan

Tinjauan terhadap kajian-kajian yang berkaitan di atas telah membincangkan secara terperinci tentang sikap pelajar terhadap mempelajari bahasa dan penggunaannya. Secara keseluruhannya, sikap terhadap mempelajari bahasa di kalangan pelajar, sama ada bahasa tersebut berfungsi sebagai bahasa ibunda, bahasa kedua atau bahasa asing amat bergantung kepada peranan yang dimainkan atau fungsi sesuatu bahasa dan tanggapan atau nilai yang diberi oleh

pelajar atau masyarakat kepada bahasa tersebut. Pelajar akan cenderung untuk bersikap positif dalam mempelajari sesuatu bahasa sekiranya bahasa itu mempunyai nilai prestij, membawa kemodenan, membaiki taraf hidup atau peluang pekerjaan dan penting untuk berinteraksi. Perkara tersebut kemudiannya menjadi faktor yang membentuk motivasi pelajar dalam mempelajari bahasa berkenaan.

Sesuatu bahasa akan digunakan oleh pelajar atau masyarakat untuk berhubung. Dalam konteks pelajar atau masyarakat yang bersifat dwibahasa atau pelbagai bahasa mereka boleh memilih untuk menggunakan satu bahasa dan kemudian menggunakan bahasa yang lain pula dalam sesuatu perbualan yang menyebabkan berlakunya percampuran kod. Pemilihan dan penggunaan bahasa adalah berdasarkan domain dan dipengaruhi oleh faktor sosiolinguistik. Mereka juga melakukan penyesuaian dalam pertuturan. Melalui fenomena penggunaan bahasa ini dapat dilihat gejala diglosia yang menjelaskan kedudukan sesuatu bahasa dalam sesebuah negara.